

"SEMBAHYANG fardu lima waktu, Sembahyang Jumaat ke Jumaat berikutnya dan Ramadan ke Ramadan berikutnya menghapuskan dosa-dosa yang dilakukan di antara masa tersebut seandainya dosa-dosa besar dijauhkannya".
 - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam, riwayat Muslim dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
 Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

NBD-Australia terokai prospek penglibatan pertahanan

Siaran Akhbar :
 Kementerian Pertahanan

BOLKIAH GARISON, Khamis, 18 Mei. - Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jabatan Pertahanan Australia mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pertahanan Bersama (JKPB) Ke-19 secara bersemuka di Mes Pegawai, Bolkiah Garison, baru-baru ini, di sini.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Strategi), Kementerian Pertahanan, Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud dan Assistant Secretary (Southeast Asia), International Policy Division, Jabatan Pertahanan Australia, David Lewis.

Mesyuarat JKPB mengesahkan hubungan pertahanan dan ketenteraan yang positif dan telah lama terjalin di antara NBD dan Australia.

Mesyuarat tersebut juga membincangkan perkembangan kerjasama pertahanan dua hala, serta meneroka prospek masa depan untuk penglibatan pertahanan yang akan datang.

>> Muka 12

JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK RAIH AKREDITASI MAKMAL BERTARAF ANTARABANGSA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyerahkan sijil akreditasi makmal bertaraf antarabangsa kepada Pemangku Pengarah Perkhidmatan Saintifik, Pengiran Hajah Sofia binti Pengiran Haji Bakar. - Foto : Kementerian Kesihatan (Lihat muka 3).

Transformatif ICT pemacu pertumbuhan inklusif

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mei. - Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia (World Telecommunication and Information Society Day-WTISD) disambut pada setiap 17 Mei bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang

kemungkinan besar yang boleh dibawa oleh Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan internet kepada masyarakat dan ekonomi pada peringkat global.

>> Muka 4

Pelihara warisan permainan tradisi

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Jabatan Muzium-Muzium (JMM) mengadakan Festival Permainan Tradisi sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2023 dengan mengetengahkan beberapa permainan-permainan tradisi di Negara Brunei Darussalam.

Hadir bagi menyempurnakan majlis pelancaran sambutan yang berlangsung

di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Dengan tema 'Melestarikan Permainan Tradisi Kitani', festival Permainan Tradisi ini diharap dapat memberi impak positif dalam memperkukuhkan, memelihara dan memulihara warisan budaya dan identiti NBD yang unik.

>> Muka 5



Berita Utama



TOLAK ansur, saling menghormati, memperkukuh keharmonian
 Muka 6



MEMPERKASA institusi keluarga bagi meningkatkan kualiti kehidupan
 Muka 11



PENGAGIHAN Poster Sambutan HUT ABDB Ke-62
 Muka 18



PAMERAN Pengijazahan, Spectrum 2023 : Lumen
 Muka 28

Teamwork, collaboration penting ke arah perkhidmatan lebih cemerlang

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa diselajarkan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat, dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Pada tahun ini, Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa mempunyai tema 'Our Nurses, Our Future'. Tema ini adalah sebuah kempen yang dilaksanakan di seluruh dunia bagi kesiapsiagaan jururawat di masa akan datang dalam menangani pelbagai cabaran kesihatan global dan meningkatkan kesihatan global untuk semua. Tema ini juga menunjukkan bahawa profesion jururawat dan bidan di dalam penjagaan kesihatan adalah sangat penting yang menjadi tulang belakang kepada perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh.

Sistem perkhidmatan penjagaan kesihatan dari tahun ke tahun kian pesat berkembang

dengan kecenderungan penggunaan I.T. dan internet. Jururawat dan bidan justeru itu perlu sentiasa *up-to-date* mengikut trend teknologi perubatan terkini bagi mencapai harapan klien yang semakin meningkat. Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, semakin ramai jururawat dan bidan mempunyai latar belakang pendidikan atau *qualification* yang lebih tinggi dari sebelum ini seperti di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana mahupun ke peringkat Doktor Falsafah. Di samping kompeten dalam mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan teknologi, apa yang diharapkan jururawat dan bidan di negara ini perlu prihatin kepada nilai-nilai sosial, naluri kemanusiaan dan etika kejururawatan perlulah dikekalkan pada setiap masa.

Profesion jururawat dan bidan adalah profesion yang mulia, yang memerlukan kesabaran dan dedikasi yang tinggi serta sentiasa mewujudkan sikap mementingkan kerja di atas diri sendiri. Profesion ini telah banyak berkembang, daripada memberi perkhidmatan *bedside nursing care* kepada jenis tugas-tugas yang lebih kepada *highly technical dan advanced*. Dalam menerapkan *patient safety* di setiap pelaksanaan penjagaan dan perawatan kepada pesakit selaras dengan dasar-dasar yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan, mudah-mudahan Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan mampu mengorak langkah yang lebih jauh ke arah penyediaan jururawat

dan bidan pakar atau Advanced Practice Nurse di masa akan datang demi menangani cabaran kesihatan dan perawatan di masa hadapan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa kepada semua jururawat dan bidan di negara ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga atas sumbangan khidmat jasa dan bakti semua jururawat dan bidan sepanjang tempoh perkhidmatan di Kementerian Kesihatan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberi pahala yang berlipat ganda kepada semua jururawat dan bidan.

Alhamdulillah pada pagi ini juga, Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2023 disambut sekali gus dengan Sambutan Hari Raya Aidil Fitri bagi Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan. Saya dimaklumkan pelbagai jenis juadah dan persembahan pentas telah tersedia oleh setiap perkhidmatan kejururawatan yang terlibat. Saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat pada hari ini kerana telah menunjukkan perpaduan, keharmonian dan komitmen yang tinggi bagi sama-sama menjayakan sambutan ini. Semangat *teamwork* dan *collaboration* inilah yang perlu terus-menerus dipamerkan dalam tugas seharian demi memberikan perkhidmatan kejururawatan yang lebih cemerlang.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada Ahad 23 Syawal 1444H / 14 Mei 2023M di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi di bulan yang mulia ini saya menyusun jari sepuluh memohon Maaf Zahir dan Batin dan semoga segala usaha yang dicurahkan selama diberi akan memberi manfaat yang diredhai Allah kepada agama, bangsa dan negara.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



WAKTU SEMBAHYANG

MEI MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	SABTU	29	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.27	7.41
21	AHAD 1	Zulkaedah	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
22	ISNIN	2	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
23	SELASA	3	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42
24	RABU	4	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.42
25	KHAMIS	5	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43
26	JUMAAT	6	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU		AHAD		ISNIN	
Bandar Seri Begawan	33 26 °C	34 26 °C	34 26 °C	33 26 °C	33 26 °C
Pekan Bangar	33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C
Pekan Tutong	32 26 °C	34 26 °C	33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C
Kuala Belait	32 26 °C	34 26 °C	33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

20 MEI 2023

Ke arah masyarakat digital, bersedia untuk masa hadapan

DALAM dunia yang semakin saling berkaitan, akses kepada telekomunikasi dan maklumat menjadi alat penting untuk pembangunan sosial dan ekonomi. Ia merentasi sempadan geografi, menghubungkan masyarakat daripada budaya yang berbeza dan menyediakan individu dengan pengetahuan dan juga peluang.

Justeru, ia adalah pemacu pertumbuhan inklusif dan satu cara untuk membina masyarakat yang berdaya tahan.

Demikian antara perkara yang dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam perutusan sempena Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia (World Telecommunication and Information Society Day-WTISD) yang disambut pada setiap 17 Mei 2023 dengan bertemakan 'Memperkasakan Negara Kurang Maju melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi', manakala visi bersama tentang dunia di mana semua orang mempunyai akses dan boleh mendapat manfaat daripada kuasa transformatif ICT.

Yang Berhormat menekankan bahawa literasi digital dan pembangunan kemahiran juga penting dalam memperkasakan rakyat. Malah di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, Negara Brunei Darussalam sedang menuju ke arah masyarakat digital dan bersedia untuk masa hadapan.

Untuk mencapai matlamat ini, kakitangan dan pengetahuan serta kemahiran amat diperlukan untuk memanfaatkan teknologi dengan berkesan.

Di Negara Brunei Darussalam, komitmen untuk meluaskan akses kepada perkhidmatan telekomunikasi dan maklumat adalah tidak berbelah bahagi.

"Kami akan meneruskan usaha untuk memastikan rakyat dapat menikmati dan mendapat manfaat daripada perkhidmatan dan infrastruktur digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kami dengan menumpukan pada peningkatan berterusan ketersediaan, kemampuan dan kebolehpercayaan infrastruktur digital kami," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pelaburan dalam pengembangan infrastruktur rangkaian dan penyelesaian inovatif akan diteruskan sebagai sebahagian daripada usaha untuk membolehkan penduduk dapat berkomunikasi dengan orang tersayang, mengakses perkhidmatan dalam talian dan mengambil bahagian dalam aktiviti serta acara ekonomi digital global tanpa mengira lokasi mereka.

Sehubungan itu, proses globalisasi telah mendorong pembangunan teknologi komunikasi dengan pesat dan membawa pelbagai perubahan bukan hanya kepada organisasi, malahan turut memberi impak yang sangat mendalam kepada masyarakat pada masa kini.

Dalam era perkembangan teknologi digital, ia memerlukan negara untuk memberikan keutamaan dalam memanfaatkan teknologi canggih dan ekonomi digital sebagai pemangkin pembangunan negara menuju ke Wawasan 2035.

- Ketua Penyuntingan (Hs)

ACARA KEAGAMAAN SEMPERNA HUT ABDB KE-62

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bakal meraikan Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-62 tanggal 31 Mei ini nanti.

Justeru, Kementerian Pertahanan dan ABDB, hari ini, mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini, menandakan sebagai permulaan pelbagai acara yang disusun bersempena Sambutan HUT ABDB kali ini.

Majlis berkenaan khusus buat ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong (kanan). Manakala gambar bawah, lebih 500 orang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan serta para pegawai dan anggota ABDB hadir pada majlis keagamaan tersebut.

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak



Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Azim.

Hadir pada majlis itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Lebih 500 orang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan serta para pegawai dan anggota ABDB hadir pada majlis keagamaan tersebut.

Majlis dimulakan dengan membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil, diikuti doa yang dipimpin oleh Pegawai Turus Tarbiyyah Agama daripada Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Mejar Ariffin bin Amit @ Hamid yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Asr

dan Tasbih Kaffarah.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemangku Setiausaha Tetap, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Tema Sambutan HUT ABDB tahun ini, 'Bersama Menjayakan Wawasan Negara' merupakan penghayatan ABDB sebagai sebuah organisasi yang maju dan bersatu padu setia kepada raja dan negara serta mengamalkan nilai-nilai mulia bagi bersama-sama menjayakan ke arah pencapaian wawasan negara.



Jabatan Perkhidmatan Saintifik raih akreditasi makmal bertaraf antarabangsa

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

JABATAN Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan melalui Divisyen Sains Forensik telah berjaya meraih akreditasi makmal bertaraf antarabangsa iaitu ISO/IEC 17025:2017.

kepakaran dan kompetensi di dalam bidang forensik masing-masing yang diperakui oleh badan antarabangsa.

Empat buah makmal di bawah Divisyen Sains Forensik iaitu Bahagian Forensik Biologi, Bahagian Illicit Drugs, Bahagian Physical Evidence dan Bahagian Toksikologi telah berjaya mendapat akreditasi tersebut.

Senarai skop akreditasi boleh diperoleh di laman sesawang ANSI National Accreditation Board di www.anab.ansi.org.

Untuk sebarang maklumat dan pertanyaan selanjutnya, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan, www.moh.gov.bn atau menghubungi Jabatan Perkhidmatan Saintifik di talian +673 2382424 dan e-mel dss@moh.gov.bn.

bahawa makmal-makmal di bawah Divisyen Sains Forensik mempunyai keupayaan untuk memberikan perkhidmatan ujian forensik yang berkualiti dan boleh dipercayai oleh pihak penguat kuasa undang-undang dan pihak yang berkepentingan.

Di samping itu, ia juga membuktikan bahawa pegawai dan kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Saintifik mempunyai

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan melalui

Divisyen Sains Forensik telah berjaya meraih akreditasi makmal bertaraf antarabangsa iaitu ISO/IEC 17025:2017

dalam bidang ujian forensik daripada American National Standards Institute (ANSI) National Accreditation Board (ANAB) pada 12 Mei 2023 yang lalu.

Jabatan Perkhidmatan Saintifik telah menjalani penilaian awal pada 28 Februari hingga 2 Mac 2023 berdasarkan penilaian pengurusan, kelayakan teknikal dan kecekapan makmal untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ujian forensik menurut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan di dalam keperluan piawaian ISO/IEC 17025:2017 dan keperluan tambahan ANAB.

Penganugerahan akreditasi kepada piawaian ISO/IEC 17025:2017 ini membuktikan

Kenaikan pangkat pegawai kanan kerajaan

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mei. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Penolong Pengarah Unit Perundangan Islam di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Hal Ehwal Syariah di KHEU mulai 17 April 2023.

جائز فائز لكونومي دان ستاتيسيتك
JAMBU PERKAMPARAN PERKAMPARAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | GET IT ON Google play

TRANSFORMATIF ICT PEMACU PERTUMBUHAN INKLUSIF

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

>> Muka 1

Tema pada tahun ini ialah 'Memperkasakan Negara Kurang Maju melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi', dengan visi bersama tentang dunia di mana semua orang mempunyai akses dan boleh mendapat manfaat daripada kuasa transformatif ICT.

Dalam dunia yang semakin saling berkaitan, akses kepada telekomunikasi dan maklumat menjadi alat penting untuk pembangunan sosial dan ekonomi. Ia merentasi sempadan geografi, menghubungkan masyarakat daripada budaya yang berbeza, dan menyediakan individu dengan pengetahuan dan juga peluang.

Justeru ia adalah pemacu pertumbuhan inklusif dan satu cara untuk membina masyarakat yang berdaya tahan.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam perutusannya sempena Hari WTISD 2023 pada 17 Mei 2023.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kita mengiktiraf kepentingan sebuah negara yang mempunyai rangkaian hubungan yang baik. Komitmen kami untuk meluaskan

akses kepada perkhidmatan telekomunikasi dan maklumat adalah tidak berbelah bahagi.

"Kami akan meneruskan usaha kami untuk memastikan rakyat dapat menikmati dan mendapat manfaat daripada perkhidmatan dan infrastruktur digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kami dengan menumpukan pada peningkatan berterusan ketersediaan, kemampuan dan kebolehpercayaan infrastruktur digital kami," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pelaburan dalam pembangunan infrastruktur rangkaian dan penyelesaian inovatif akan diteruskan sebagai sebahagian daripada usaha untuk membolehkan penduduk dapat berkomunikasi dengan orang tersayang, mengakses perkhidmatan dalam talian dan mengambil bahagian dalam aktiviti dan acara ekonomi digital global tanpa mengira lokasi mereka.

"Dalam meraikan WTISD hari ini, kami mengesahkan komitmen kami untuk tidak meninggalkan sesiapa pun. Merapatkan jurang digital adalah pelaburan strategik untuk masa depan negara kita.

"Saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa kemajuan pembangunan jalur lebar tetap, dan rangkaian Fibre-to-the-Home

(FTTH) kini berkembang kepada sejumlah 88 peratus penduduk pada suku pertama 2023.

"Ini selaras dengan usaha kami untuk meningkatkan kadar rakyat NBD dengan akses kepada jalur lebar sebagai utiliti asas. Kami akan terus melabur dalam pembangunan infrastruktur rangkaian dan penyelesaian inovatif untuk turut menghubungkan kawasan luar bandar dan terpencil," kata Yang Berhormat.

Literasi digital dan pembangunan kemahiran tambah Yang Berhormat juga penting dalam memperkasakan rakyat. Di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, NBD sedang menuju ke arah masyarakat digital dan bersedia untuk masa hadapan.

"Untuk mencapai matlamat ini, kita mesti melengkapkan kakitangan kita dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk memanfaatkan teknologi dengan berkesan.

"Kami akan terus melabur dalam program yang menggalakkan celik digital, meningkatkan pendidikan IT dan memberi peluang kepada tenaga kerja kami untuk dilatih untuk menyesuaikan diri dengan perubahan landscape digital," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menambah 'Digital Untuk Semua' yang dijalankan oleh AITI sejak Januari 2020 adalah salah satu inisiatif

yang diperkenalkan untuk membantu membangunkan kecekapan digital untuk individu termasuk warga emas.

Inisiatif ini jelas Yang Berhormat disokong oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; Kementerian Pendidikan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan sektor swasta.

Program berkenaan tambah Yang Berhormat telah membantu lebih 100 orang warga emas untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat sedia digital dengan menyediakan latihan kemahiran asas ICT termasuk e-dagang, perbankan dalam talian dan keselamatan siber.

Dari segi keselamatan siber kata Yang Berhormat, agensi-agensi berkaitan di NBD juga akan terus mendidik masyarakat daripada segenap lapisan masyarakat agar lebih peka dan tangkas terhadap ancaman keselamatan siber.

Yang Berhormat juga turut menjelaskan NBD juga menggalakkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk mengambil bahagian dalam pendigitalan dan perniagaan dalam talian.

Antara inisiatif berkenaan kata Yang Berhormat termasuk usaha Pihak Berkuasa bagi Teknologi Info-Komunikasi (Authority for Info-Communications Technology -



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam perutusannya sempena Hari WTISD 2023.

AITI) untuk menawarkan skim pembiayaan bersama yang dipanggil 'Skim Pembiayaan Bersama Produktiviti dan Kecekapan (PENJANA)' kepada perniagaan untuk mengambil penyelesaian digital bagi meningkatkan produktiviti mereka.

"Dalam kita memperingati WTISD 2023, marilah kita memperbaharui komitmen kita terhadap visi dunia yang terhubung dan inklusif.

"Marilah kita memanfaatkan kuasa teknologi untuk menjadikan masa depan lebih cerah untuk semua orang.

"Kita boleh bekerjasama untuk mewujudkan masyarakat di mana tiada siapa yang ketinggalan, dan setiap individu mempunyai peluang untuk berkembang maju, dan manfaat revolusi digital itu juga boleh dikongsi oleh semua," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.



Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Mei. - Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah telah diberi penghormatan menerima Anugerah BRC Henry Dunant bagi Emerging Young Leaders 2023 pada Majlis BRC's International Friendship Dinner yang berlangsung di Hotel Radisson, baru-baru ini.

Anugerah yang disampaikan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei (BRC), mengiktiraf sokongan padu BIBD melalui sokongan Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khasnya yang diterajui oleh dedikasi dan komitmen yang tidak berbelah oleh Haji Mohammad Yusri dalam memajukan inisiatif kemanusiaan BRC dengan pelbagai pihak

berkepentingan.

Hadir bagi menyampaikan anugerah tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Anugerah BRC Henry Dunant bagi Emerging Young Leaders 2023 diberikan kepada individu yang telah mempamerkan kualiti kepimpinan yang luar biasa, memberikan sumbangan besar ke arah pembangunan dan kejayaan penglibatan kemanusiaan.

Mengulas mengenai anugerah tersebut, Haji Mohammad Yusri berkata "Saya amat berbesar hati menerima anugerah berprestij ini. Pengiktirafan ini adalah bukti komitmen BIBD yang tidak berbelah bahagi untuk mengamalkan Pendekatan Senegara dalam menegakkan Maqasid Al Shariah, dan menyokong kerajaan dalam

Pegawai Kanan BIBD terima Anugerah BRC Henry Dunant

mencapai Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Lestari PBB. Melalui peranan strategik Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, BIBD telah memupuk kerjasama rapat dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei (BRC), membolehkan kami bergabung tenaga dan memberi impak yang lebih bermakna dalam usaha kemanusiaan kami".

BIBD, melalui Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khasnya, telah bekerjasama rapat dengan BRC untuk menangani cabaran masyarakat dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan masyarakat setempat.

Satu hasil ketara daripada kerjasama ini ialah penubuhan Platon Korporat BIBD, satu inisiatif bersama yang menggabungkan kepakaran dan sumber kedua-dua organisasi untuk melaksanakan projek komuniti yang memberi impak.

Platon tersebut terdiri daripada 30 anggota bertauliah dan *first aiders* bertauliah terdiri daripada kakitangan bank dari semua peringkat, bertujuan untuk mengambil bahagian secara profesional dalam kerja-kerja kemanusiaan dan sukarelawan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Tambahan, Perjanjian Perkongsian Pintar (IPA) antara Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei dan BIBD telah memainkan peranan penting dalam memupuk hubungan yang lebih erat dan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan anugerah tersebut kepada Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah (kiri). Manakala gambar atas, Haji Mohammad Yusri semasa berucap.

memudahkan kerjasama yang berkesan dalam usaha kemanusiaan.

Perjanjian ini membolehkan kedua-dua entiti memanfaatkan kekuatan dan kepakaran masing-masing untuk memaksimumkan impak kolektif mereka dan memberi perkhidmatan kepada mereka yang memerlukan dengan lebih cekap.

Terbaharu, BIBD memberi sokongan kepada BRC dalam menganjurkan Majlis Iftar Akbar pada bulan Ramadan yang mulia ini. Inisiatif ini berjaya mengagihkan lebih daripada 1,000 pek makanan kepada individu yang kurang bernasib baik.

Sebagai sebuah organisasi yang

bertanggungjawab dari segi sosial, BIBD kekal teguh dalam komitmennya untuk menyokong agenda pembangunan Kerajaan Brunei dan menyumbang kepada pencapaian SDG PBB sebagai sebahagian daripada aktiviti berterusan Bank di bawah Rangka Kerja Kelestariannya.

BIBD akan terus bekerjasama dengan rakan strategik seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei untuk mencipta perubahan bermakna dan memberi impak sosial yang positif.

Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.

PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN, SIJIL PENGHARGAAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan bantuan kewangan dan Sijil Penghargaan tersebut (kiri dan bawah kiri).

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Seramai 16 ketua keluarga daripada 24 yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir, sebuah keluarga terlibat dalam kejadian tanah susur, dua keluarga terlibat dalam kejadian kebakaran, tiga keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh dan dua keluarga terlibat dalam kejadian angin kencang.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian-kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa berkenaan, pihak kerajaan telah menghulurkan bantuan kewangan kepada mereka yang terlibat demi kesejahteraan mereka sekeluarga.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.



Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Seramai 24 ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian tanah susur, banjir, angin kencang, kebakaran dan rumah roboh telah menerima sumbangan pada Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Gadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hari ini.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil kepada 13 pegawai dan tenaga kerja daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dalam usaha membaik pulih rumah di bawah Projek Bersepadu JAPEM dan Projek Titian Amal sempena Ulang Tahun ABDB Ke-61.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan bantuan kewangan dan Sijil Penghargaan tersebut ialah Menteri

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Pelihara warisan permainan tradisi

>> Muka 1

Dengan memperkenalkan dan membarigakan tradisi dan warisan budaya melalui pameran dan festival seperti ini memberi ruang kepada orang ramai untuk mengetahui serta memahami tentang warisan negara kitani dan sekali gus menerapkan nilai-nilai teras kebruneian agar identiti kitani sebagai orang Brunei akan mengalir ke dalam hidup masyarakat negara ini.

Festival Permainan Tradisi ini memperkenalkan permainan-permainan tradisi yang jarang dipraktikkan dan tidak diketahui oleh generasi baharu.

Festival diisi dengan pameran, demonstrasi dan tunjuk ajar permainan tradisi, jualan produk kraf tangan dan seni dan jualan terbitan Jabatan Muzium-Muzium.

Turut menambah kemeriahan festival ialah penglibatan beberapa institusi swasta termasuk Majlis Perundingan Kampung dan Persatuan-persatuan yang terlibat dalam festival ini termasuk Persatuan Kikik NBD (PEKIKIK), Persatuan Gasing Kebangsaan (PERGAB), Persatuan Sepak Takraw NBD (PESTABARU) dan jualan kraf tangan daripada Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Antara permainan-permainan yang diketengahkan antaranya seperti Pasang bersaiz gergasi, Kereta Kirikan Benang, Kuit, Kayu Tiga, Gatah Berturus,



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada pelancaran Festival Permainan Tradisi sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2023 (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, Festival Permainan Tradisi ini memperkenalkan permainan-permainan tradisi yang jarang dipraktikkan dan tidak diketahui oleh generasi baharu.

Salok-Salokan, Gasing Pelajau, Rising, Simban, Main Gajah, Kirut-Kirut Siding dan bermacam lagi.

Sebuah ruang untuk pengunjung mengambil gambar kenang-kenangan turut disediakan yang memaparkan suasana kampung.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengunjungi Festival Permainan Tradisi di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja mulai Sabtu, 20 hingga 25 Mei, 27 hingga 31 Mei 2023 mulai pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali hari Jumaat, tutup untuk kunjungan.



TOLAK ANSUR, SALING MENGHORMATI, MEMPERKUKUH KEHARMONIAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2023 (kiri), manakala gambar kanan, Ra'es KUPU SB semasa menyampaikan sijil kepada para pembentang kertas utama.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Setiap pasangan adalah sangat penting untuk saling mengenali dan memahami personaliti pasangan masing-masing dan melakukan penyesuaian dalam perhubungan suami isteri.

Dalam menyampaikan pembentangan kertas utama empat bertajuk, 'Membentuk keluarga Sakinah : Komunikasi efektif menerusi Bahasa Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam', Dr. Mohammad Yusri Yubhi Md. Yusoff daripada Yusri Yusoff Consulting Singapura, menjelaskan bahawa setiap pasangan perlu saling bertolak ansur serta saling menghormati dalam menerima teguran dan permintaan pasangan.

"Salah satu aspek utama dalam mengukuhkan keharmonian sebuah keluarga ialah dengan memperbaiki komunikasi rumah tangga melalui bahasa cinta," ujarnya semasa Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2023, hari ini, berlangsung di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Menurutnya, pasangan yang dilayani dengan bahasa cinta mereka akan merasa diri mereka dikasihi dan disayangi yang mana antara bahasa cinta tersebut termasuk kata-kata pujian, sentuhan fizikal, tindakan memberikan bantuan, memberi hadiah, meluangkan masa.

Beliau menambah, antara ciri keluarga sakinah adalah apabila terlaksananya sikap tanggungjawab oleh setiap ahli keluarga, lahir perasaan cinta dan pelayanan terhadap keluarga secara ihsan, sikap kepimpinan melalui syura, mengasihi yang muda dan menghormati yang tua, adanya hubungan intim dan keluarga yang bertakwa serta mengamalkan ajaran Islam.

Mengamalkan ciri-ciri tersebut adalah penting tambahnya lagi, kerana semua aspek tersebut merupakan faktor yang menyumbangkan kepada jumlah penceraihan yang tinggi.

Menurutnya lagi, perbezaan personaliti pasangan perlu diambil perhatian dalam rumah tangga kerana jika berlaku pertembungan personaliti berlaku dan tidak

diatasi, maka akan menimbulkan perbalahan, perasaan negatif terhadap pasangan dan mengganggu persepsi serta perasaan.

Justeru, katanya lagi, kepentingan untuk mencontohi sikap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda sentiasa sensitif dengan sikap isteri dan memahami personaliti serta peka dengan perasaan isteri.

Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2023 selama dua hari berakhir hari ini dengan penyampaian sijil kepada para pembentang kertas utama dan juru alih bahasa pada sebelah petang.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Norashikin binti Haji Johari. Turut hadir ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adnan bin Haji Basar.

Terdahulu, pada sesi pagi hari kedua Mu'tamar, dibentangkan kertas utama tiga bertajuk, 'Membina keluarga bahagia bertaauladankan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan

pendekatan Tasawuf dan Tarekat' yang disampaikan oleh Profesor Dr. Haji Duski Samad daripada Fakulti Tarbiyah dan Keguruan Universitas Islam Negeri Imam Bonjol Padang Indonesia melalui aplikasi Zoom di mana menjelaskan keluarga bahagia dalam Islam secara normatif adalah terwujudnya keluarga sakinah, mawaddah dan rahmah dengan dukungan *Wa'asiruhunna bil ma'ruf* dan penghargaan terhadap kaum perempuan.

Menurutnya, membina keluarga bahagia adalah tujuan utama bagi setiap orang yang membina rumah tangga yang juga merupakan fitrah sosial manusia.

Secara psikologi tambahnya, kehidupan berkeluarga, baik bagi suami, isteri, anak-anak, cucu-cicit atau bahkan mertua merupakan pelabuan perasaan, ketenteraman, kerinduan, keharuan, semangat dan pengorbanan.

Secara alamiah katanya lagi, ikatan kekeluargaan memiliki nilai kesucian, oleh karena itu bukan hanya masyarakat dahulu melihat kesetiaan keluarga sebagai mulia,

pada pandangan masyarakat moden sekarang juga menganggap kesetiaan keluarga masih menjadi nilai keindahan, meski persemayaman keindahan itu di alam bawah sadar.

Realitinya jelasnya lagi, umat Islam masih belum secara maksimum dapat mencapai keluarga bahagia kerana tingginya jumlah perceraian, keluarga bermasalah (*broken home*), remaja terlibat dalam pemakaian ubat terlarang, pergaduhan antara pelajar, dan kenakalan remaja lainnya yang merosak kebahagiaan keluarga.

Beliau menambah, salah satu antara penyebabnya adalah belum optimalnya pendidikan keluarga dan ajaran Islam iaitu yang terkandung dalam fiqh keluarga. Sehubungan itu, kunci kepada keluarga bahagia terletak kepada kedua orang tua.

Sesi pagi Mu'tamar diteruskan dengan pembentangan tujuh kertas kerja selari di mana antara tajuk yang dibentangkan termasuk 'Menyantuni akhlak dalam lagu kanak-kanak Brunei', 'Pengamalan nilai-nilai MIB membina keluarga Bahagia', 'Kepentingan penghayatan prinsip Maqasid Syariah ke arah pembentukan keluarga sejahtera', 'Peranan tasawuf dalam kehidupan keluarga', 'Penerapan nilai-nilai tasawuf dan 'Kekeluargaan dalam infografik inti sari Khutbah Jumaat : Satu tinjauan awal melalui media sosial di Brunei Darussalam'.

Sebanyak 12 perkara dalam resolusi Mu'tamar dibentangkan oleh Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Razimi dari Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, KUPU SB selaku Ketua Bahagian Kertas Kerja, Perumus dan Pelapor Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2023.

Mu'tamar dihadiri oleh 200 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan pelbagai kementerian dan agensi swasta.

Cadangan 12 resolusi Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Sebanyak 12 perkara dalam resolusi dicadangkan dalam Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2023, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Resolusi yang dicadangkan termasuk pertama, memperkasakan institusi keluarga dengan mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan seharian untuk meraih keberkatan dan kesejahteraan keluarga bahagia.

Kedua, membudayakan institusi keluarga dengan *bi'ah* Islamiyah melalui sembahyang berjemaah; pemakanan sihat, halal dan berkhasiat, menjaga kebersihan diri dan persekitaran rumah, membaca doa-doa *ma'thur* dan zikir-zikir harian yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Ketiga, memperkukuhkan jaringan kerjasama pintar (Smart Partnership) dalam kalangan pihak berautoriti di dalam dan luar negara melibatkan penganjur seminar program, bengkel, forum atau jerayawara secara berterusan dalam mempromosikan pembinaan keluarga bahagia bertaauladankan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di setiap lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Keempat, memantapkan pendidikan akidah dan ketauhidan dalam institusi keluarga dengan menanamkan keyakinan kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagai alat *self-control* bagi setiap ahli keluarga.

Kelima, mengaplikasikan kaedah dan pendekatan terkini dengan penuh hikmah dalam menangani konflik keluarga, ketidakstabilan emosi, perubahan diri dan kesihatan mental ke arah keluarga

yang sihat dan sejahtera.

Seterusnya, keenam, KUPU SB menerajui penyelidikan dan latihan dengan kerjasama institusi dalam dan luar negara berkaitan kepincangan rumah tangga dan kelestarian institusi keluarga.

Manakala ketujuh, meningkatkan keupayaan pihak berautoriti dalam aspek siber sekuriti dengan penggunaan IT, media sosial dan permainan maya dengan peruntukan waktu dengan fitrah manusia dan masyarakat Brunei yang sihat.

Kemudian, kelapan, memperkukuhkan kawalan pihak berautoriti dalam membatasi ketagihan penggunaan aplikasi permainan yang boleh menjejaskan akidah dan nilai-nilai murni Melayu Islam Beraja (MIB) khususnya dalam kalangan ibu bapa dan juga anak-anak mereka

supaya terhindar daripada gejala-gejala sosial dan keruntuhan rumah tangga.

Kesembilan, mengaplikasikan komunikasi berkesan dari aspek Al-Quran dan Al-Sunnah secara *verbal* dan *nonverbal* untuk memelihara kerukunan rumah tangga dengan kerap mengadakan perbincangan, memberikan penghargaan dan pujian kepada pasangan dan anak-anak, bertutur secara sopan dan beradab sesuai dengan calak Brunei dan Melayu Islam Beraja (MIB).

Sementara itu, ke-10, mengarusperdanakan pendekatan dakwah khasnya ketika berhadapan dengan konflik, ujian sebagai satu usaha mengawal dan menangani pelbagai konflik termasuk keruntuhan akhlak dan isu kesihatan mental.

Manakala ke-11, menyeimbangkan penglibatan suami isteri berkerjaya dengan

tanggungjawab dan peranan sebagai pekerja dan ibu bapa.

dan akhir sekali, iaitu ke-12, memperkukuhkan peranan suami isteri dalam melaksanakan antara hak dan tanggungjawab dengan sempurna bertaauladankan rumah tangga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.



RESOLUSI Mu'tamar dibentangkan oleh Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Razimi dari Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, KUPU SB.

BIBD SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Mei. - Kemeriahan Syawal masih dirasakan meskipun ia kini sampai ke penghujungnya namun majlis-majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus diadakan oleh pelbagai pihak.

Dalam menyemarakkan lagi bulan Syawal ini, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) petang tadi menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri BIBD ALAF bagi meraikan para pelajar Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (ALAF) dan keluarga mereka termasuk pihak-pihak berkepentingan yang lainnya.

Sambutan ini juga dihasrat untuk mengukuhkan lagi hubungan BIBD dengan para pelajar ALAF dan ahli keluarga mereka, meraikan semangat kekeluargaan dan kebersamaan termasuk berkongsi suasana Hari Raya.

Majlis yang diadakan di Bangunan Persekutuan Guru-Guru

Melayu Brunei (PGGMB) di ibu negara itu dihadiri oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku tetamu kehormat majlis.

Kira-kira 276 pelajar ALAF dan keluarga masing-masing menghadiri majlis berkenaan termasuk para pegawai kanan kerajaan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan, para pegawai kanan BIBD, termasuk Jawatankuasa Pandu BIBD ALAF.

"Kami amat berbesar hati dapat menyokong acara tahunan ini, bagi sama-sama berkongsi kegembiraan dan keharmonian Hari Raya Aidilfitri bersama pelajar-pelajar BIBD Alaf dan keluarga mereka," ujar Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin

Haji Masri.

Sebagai rakan strategik utama kepada pihak-pihak berkepentingan BIBD ALAF tambahnya, BIBD terus mengutamakan perkara-perkara yang berkaitan pembangunan dan pemerksaan pendidikan, kesejahteraan masyarakat, dan memberi semula kepada masyarakat.

"Kami komited dalam usaha meningkatkan pendidikan dan pembangunan masyarakat, dan kami percaya sambutan ini adalah peluang yang paling bermakna untuk melaksanakan nilai-nilai ini," terang beliau.

Pada majlis tersebut, para pelajar BIBD ALAF dan keluarga masing-masing juga menerima *goodie bags* yang ditaja oleh McDonald's Brunei.

BIBD ALAF merupakan bukti usaha berterusan BIBD untuk menyokong pembangunan pendidikan dan pemerksaan generasi muda Brunei melalui program tersebut. BIBD ALAF menyediakan bantuan kewangan,



YANG Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri BIBD ALAF.

bimbingan, dan latihan kepada pelajar kurang berkemampuan di negara ini, membantu mereka mengejar impian dan membina masa depan yang lebih cerah.

Program ini merupakan salah

satu daripada pelbagai usaha pembinaan komuniti BIBD dan merupakan sebahagian daripada komitmen BIBD untuk menegakkan Maqasid Syariah dan sokongan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

BIBD ALAF ialah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) perdana BIBD yang menyediakan bantuan kewangan, sokongan pendidikan dan bimbingan kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk membantu mereka mencapai matlamat akademik mereka.

Program ini telah membantu lebih 300 pelajar sejak penubuhannya pada 2013 dan telah menjadi mercu tanda harapan bagi banyak keluarga di Negara Brunei Darussalam.

SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri BIBD ALAF yang diadakan di Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (kiri sekali dan kiri).



Anggota RPD TDDB memeluk agama Islam



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei hadir pada Majlis Pengislaman bagi Rejimen Pengawal Diraja, Tentera Darat Diraja Brunei (RPD TDDB), Soldadu Najziem bin Juani yang berbangsa Dusun (atas), manakala gambar atas kanan, Soldadu Najziem memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Abdul 'Adzim bin Juani.

TUTONG, Jumaat, 19 Mei. - Seorang anggota daripada Rejimen Pengawal Diraja, Tentera Darat Diraja Brunei (RPD TDDB), Soldadu Najziem bin Juani yang berbangsa Dusun hari ini melafazkan dua kalimah Syahadah dan ikrar pengakuan pengislamannya bertempat di rumah kediaman

mereka di Kampung Lamunin, Tutong.

Hadir pada majlis tersebut, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir, Pemerintah TDDB, Timbalan Pemerintah TDDB,

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), pegawai-pegawai, anggota-anggota ABDB dan ahli keluarga.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Mu'minun ayat 1 hingga 11 oleh Soldadu Awangku Zahwan bin Pengiran Mohammad daripada RPD TDDB

Oleh: Aimi Sani
Foto: Alishahrin Haji Mumin



dan diteruskan dengan lafaz Syahadah serta ikrar pengislaman Soldadu Najziem dipimpin oleh pegawai agama dari PDI.

Majlis disusuli dengan laungan Dikir Marhaban, taburan bunga rampai dan penyampaian cenderahati yang disempurnakan oleh Pemerintah ABDB serta para jemputan yang hadir.

Majlis kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Soldadu Najziem memilih nama

Islamnya sebagai Muhammad Abdul 'Adzim bin Juani dan merupakan anggota pertama daripada RPD TDDB memeluk Islam sejak tertubuhnya RPD TDDB pada tahun 2022.

Minat anggota kepada agama Islam semakin meningkat setelah mempelajari dan mendalami pendidikan Islam yang mana boleh menjadi sumber inspirasi bagi menyebarkan lagi syiar dakwah agama Islam dalam kalangan warga ABDB.

Perluaskan pemahaman mengenai Republik Turkiye



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam menyempurnakan penyampaian buku berkenaan kepada Naib Canselor UBD.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Khamis, 18 Mei. - Sebagai sebahagian daripada usaha Kedutaan Republik Turkiye untuk mewujudkan pemahaman dan kesedaran yang lebih dalam mengenai Republik Turkiye kepada masyarakat Brunei, beberapa buah koleksi buku telah disumbangkan kepada Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Buku-buku yang didermakan kepada Perpustakaan UBD akan memberikan akses kepada para pelajar dan pengguna untuk pilihan buku yang terdiri daripada Masakan Diraja Turkiye, Budaya, sejarah, kesusasteraan dan seni.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy pagi tadi menyempurnakan penyampaian buku berkenaan kepada Naib

Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle pada majlis yang berlangsung di Business Library, universiti berkenaan, di sini.

Tuan Yang Terutama dalam ucapannya menekankan bahawa ini hanyalah permulaan bagi kerjasama jangka panjang di antara Republik Turkiye dan NBD.

"Republik Turkiye, dengan 209 universitinya (129 universiti kerajaan, 80 universiti swasta), sistem pendidikan yang serasi dengan EU dan dengan pelbagai program yang mengajar dalam bahasa Inggeris telah menjadi pusat tarikan penting untuk pelajar antarabangsa dan usaha untuk meningkatkan kerjasama global melalui perjalanan, pekerjaan, pendidikan dan latihan *internship*."

"Hari ini, Republik Turkiye merupakan negara ke-8 di dunia

yang mempunyai pelajar antarabangsa iaitu seramai 300,000 pelajar antarabangsa dari 190 negara termasuk NBD," terangnya lagi.

Tambah TYT, Turkiye dan Kedutaan Turkiye di sini bersedia untuk memudahkan dan melaksanakan program pertukaran yang sama untuk universiti di NBD.

"Lawatan negara baru-baru ini oleh Kebawah DYMM ke Republik Turkiye pada Mac 2023 dan perjanjian yang ditandatangani semasa lawatan tersebut telah membuktikan hubungan persaudaraan antara kedua-dua negara," ujarnya lagi.

Sumbangan buku itu menandakan hubungan rapat dan mesra dalam pendidikan, budaya dan kesenian antara kedua-dua buah negara.

Buku-buku tersebut adalah untuk memperkayakan sumber pembelajaran yang terdapat di Perpustakaan UBD dan membolehkan lebih ramai pembaca Brunei memahami dan mempelajari tentang Republik Turkiye.

Sehingga kini, tiga pelajar dari Republik Turkiye telah melanjutkan dan menamatkan pengajian mereka di UBD dalam bidang ekonomi, pendidikan dan bahasa. UBD juga telah menghantar pelajar untuk Program Tahun Penemuan untuk satu semester akademik ke Republik Turkiye.

TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam dan Naib Canselor UBD semasa bergambar ramai.



MOU KE ARAH MELAHIRKAN GRADUAN BERKUALITI



Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Khamis, 18 Mei. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menandatangani Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding - MoU) bersama enam agensi iaitu The Capital Residence Suite; Fast Offshore Supply Pte.Ltd; KOTUG (B) Sdn. Bhd.; Miclyn Express Offshore (B) Sdn. Bhd.; W Ventures

Partners dan Cuckoo International (B) Sdn. Bhd., hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan sekali gus menjadi saksi di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

MoU kali ini tertumpu kepada tiga bidang Pendidikan dan Latihan iaitu bidang maritim, bidang hospitaliti dan bidang pemanasan dan pendinginan (HVAC) yang

melibatkan tiga Program Apprenticeship iaitu HNTec in Refrigeration & Air-Conditioning, NTec in Professional Cookery & Services dan Level 1 Apprenticeship in Deck and Engine Rating.

Majlis penandatanganan tersebut bertujuan untuk mengeratkan hubungan dua hala yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dari segi pembangunan pendidikan yang



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan sekali gus menjadi saksi pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding - MoU) di antara Institut Pendidikan Teknikal Brunei bersama enam agensi (kiri dan atas).

berterusan ke arah melahirkan graduan yang berkualiti iaitu memenuhi piawaian serta keperluan industri dan memenuhi permintaan tenaga kerja mahir.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan dari Pengarah IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

MoU bagi The Capital Residence Suite; W Ventures Partners dan Cuckoo International (B) Sdn. Bhd.

ditandatangani oleh Pengarah IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dan Pengetua Pusat, Awang Armi Durani bin Haji Durhman.

Sementara bagi Fast Offshore Supply Pre. Ltd; KOTUG (B) Sdn. Bhd.; Miclyn Express Offshore (B) Sdn. Bhd. ditandatangani oleh Pengarah IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dan Pengetua IBTE Satelit, Dr. Suhaimi bin Haji Abd. Wahab.

PERKUKUHKAN EKOSISTEM SDGS



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Mei. - Bengkel Pre-2023 High-Level Political Forum on Sustainable Development (HLPF) diadakan selama dua hari bermula pada 17 Mei 2023 hingga 18 Mei 2023 di

Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri (JPM), anjuran JPM selaku Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals, SDGs) bagi Negara Brunei Darussalam.

Bengkel yang dihadiri oleh Ahli-ahli dan Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan serta wakil-wakil daripada pihak kerajaan, agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations, UN), sektor swasta, Badan-Badan Bukan Kerajaan, ahli akademik, belia dan institusi kewangan, telah mengongsikan dapatan-dapatan awal daripada Laporan Voluntary National Review (VNR) Ke-2 bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang akan diadapakan ke HLPF 2023 pada bulan Julai 2023.

Pelbagai perbincangan diadakan yang memfokuskan kepada



SETIAUSAHA Tetap (Wawasan), JPM selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan SDGs hadir dan bergambar ramai pada Bengkel Pre-2023 High-Level Political Forum on Sustainable Development (HLPF) (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, United Nations Resident Coordinator Office (UNRCO), Dr. Richard Marshall semasa berucap.

langkah ke hadapan bagi menyokong tindakan pasca-VNR Ke-2. Ini termasuk mengukuhkan ekosistem SDGs, ketersediaan data dan tindakan sepadu Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan.

Bengkel dimulakan dengan ucapan daripada Setiausaha Tetap (Wawasan), JPM, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan SDGs.

Beliau merakamkan penghargaan atas dukungan dan komitmen pelbagai pihak berkepentingan dalam menyokong pencapaian negara dalam SDGs.

Beliau seterusnya menggalakkan semua pihak

berkepentingan untuk menerokai peluang bagi meningkatkan perkembangan SDGs NBD melalui kerjasama padu dan penyelesaian inovatif ke arah masa depan yang mampan untuk semua.

Seterusnya, ucapama daripada United Nations Resident Coordinator untuk Malaysia, Singapura dan NBD, Puan Yang Terutama Karima El Korri telah mengetengahkan kesediaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mendukung NBD dalam memacu pelaksanaan SDGs.

Beliau juga menyentuh tentang kemajuan SDGs global yang terjejas oleh keadaan dunia pada masa ini. Dari itu, HLPF 2023 yang akan datang dan juga Sidang

Kemuncak SDGs pada bulan September 2023 diharapkan akan dapat memberi nafas baharu kepada Agenda 2030 termasuk komitmen politik serta kerjasama global yang lebih kukuh.

Bengkel Pre-2023 HLPF telah berakhir kelmarin dengan Majlis Penyampaian Hasil Utama Bengkel dan diikuti dengan Penyampaian Sijil Penghargaan. Hasil Utama Bengkel adalah cadangan tindakan keutamaan (*priority actions*) terutamanya dalam mengukuhkan pemantauan dan penilaian data, penambahbaikan ekosistem SDGs, dan tindakan senegara untuk membina tingkah laku dan set minda yang mampan.

Syukuri nikmat di bulan Syawal

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Azmi Awang Abdul Hamid



PEMANGKU Rektor UNISSA hadir selaku tetamu kehormat pada Ceramah Khas : Meraikan Kemenangan Syawal bertempat di Auditorium universiti berkenaan (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut. Sementara gambar bawah kiri, Ceramah Khas disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail al-Qudsy.

GADONG, Jumaat, 19 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam pagi tadi menganjurkan Ceramah Khas : Meraikan Kemenangan Syawal bertempat di Auditorium universiti berkenaan di sini.

Antara tujuan Ceramah Khas tersebut diadakan adalah untuk meraikan kemenangan umat Islam dalam 'peperangan' menentang musuh jiwa yang terbesar iaitu hawa nafsu dengan melakukan ibadah puasa Ramadan selama sebulan, di samping melahirkan perasaan cinta dan syukur terhadap kehadiran bulan Syawal

serta sebagai salah satu usaha untuk membantu rakyat Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

Program anjuran Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA itu disertai oleh seramai 120 peserta yang terdiri daripada para pensyarah, pegawai dan kakitangan kerajaan, mahasiswa-mahasiswi UNISSA, para belia serta orang ramai yang berminat.

Ceramah Khas tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa, diikuti dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Sharifah

Hayaati binti Syed Ismail al-Qudsy.

Antara inti pati Ceramah Khas adalah untuk mensyukuri nikmat bulan, hari dan detik masa yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta mensyukuri nikmat paling besar di dalam bulan Ramadan di mana kita dianugerahkan keampunan dan keberkatan di dalamnya.

Seterusnya, meraikan kemenangan di bulan Syawal dengan penuh kesyukuran dan juga kegembiraan setelah sebulan kita menahan lapar dan dahaga serta memupuk sabar dalam diri kita.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis adalah Pemangku Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad.

Turut hadir, jemputan khas yang terdiri daripada pegawai-pegawai utama UNISSA.

Ceramah khas diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan penyerahan sumbangan derma kepada Tabung Ta'awun UNISSA dan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria yang telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Awang Muhammed Sahrin bin Haji Masri.



PESERTA PROGRAM DIALOG BELIA SDGS DIRAIKAN



SETIAUSAHA Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil, seterusnya bergambar ramai bersama para peserta Dialog Belia Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (atas), manakala gambar atas kanan, Setiausaha Tetap (Wawasan), JPM semasa berucap pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mei. - Dialog Belia Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals - SDGs) disertai oleh 80 belia berakhir hari ini dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil di Bilik Mesyuarat East Wing, Jabatan Perdana Menteri.

Program yang berlangsung selama tiga hari bermula dari 15 Mei 2023, disertai oleh belia-belia yang berumur dari 15 hingga 25 tahun.

Dialog Belia SDG yang diadakan buat julung kalinya ini telah diungkuhkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Kebangsaan Pembangunan Yang Berdaya Tahan (SDGs) dengan kerjasama daripada Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan majlis ialah Setiausaha Tetap (Wawasan), JPM, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad.

Dalam ucapan penutup, Setiausaha Tetap (Wawasan), JPM, Pengiran Hajah Siti Nirmala menyampaikan bahawa tujuan program ini dilaksanakan bagi mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sesi Perjumpaan Pemimpin-Pemimpin

ASEAN dengan wakil-wakil Belia ASEAN pada 10 Mei 2023 baru-baru ini yang antara lainnya menekankan penglibatan belia sebagai pendorong utama ke arah pembangunan yang mampan dan sebagai agen terpenting bagi perubahan sosial, pertumbuhan ekonomi dan inovasi teknologi.

Beliau seterusnya mengongsikan bahawa semangat, minat, komitmen dan pengetahuan belia merupakan aset yang berharga dalam memacu Wawasan Brunei 2035 dan pelaksanaan Agenda Pembangunan Berdaya Tahan 2030.

Program dan aktiviti bengkel telah dijalankan oleh Majlis Belia Brunei; Green Brunei; My Actions for SDGs dengan sokongan daripada United Nations Resident

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Coordinator Office (UNRCO) dan United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UN ESCAP).

Bengkel ini bertujuan untuk membangun dan memperkasa peranan belia dalam menjadi pemimpin kemampanan masa depan. Ia juga menunjukkan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam membangunkan potensi golongan belia sebagai generasi berwawasan dan berinovatif yang mampu mencorak masa depan.

Pelbagai aktiviti telah diadakan termasuk latihan kepimpinan dan lawatan sambil belajar ke Brunei Energy Hub dan Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan.

Para peserta juga berpeluang bagi mendengarkan perkongsian daripada para pegawai dan wakil daripada Kementerian Kesihatan, Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Kementerian Pendidikan, BIBD dan Malaysian Youth SDG Summit.

Peserta program juga diberikan bimbingan dan perkongsian pandangan dari para mentor yang berpengalaman daripada Larian Tanpa Batas, AYAN Brunei dan SMARTER Brunei, khususnya dalam merancang projek-projek yang akan menyumbang kepada SDGs.

Di sepanjang program ini berlangsung, para peserta telah menunjukkan dedikasi dan kreativiti yang tinggi dalam menyumbang idea-idea berinovatif, menyokong kedayatanganan alam sekitar, pembangunan sosial, pertumbuhan ekonomi dan pendidikan yang berkualiti.

Para peserta juga telah menekankan kepentingan perpaduan antara generasi dan



menegaskan keperluan bagi pendekatan yang lebih holistik dalam menyokong pencapaian SDGs.

Majlis diikuti dengan Pembacaan Kenyataan Belia SDG (SDG Youth Statement) yang merupakan hasil dapatan utama bengkel tersebut yang mana kenyataan ini dijadikan sebahagian dari Laporan Voluntary National Review (VNR) Kedua bagi Negara Brunei Darussalam yang akan disampaikan di High-Level Political Forum on Sustainable Development pada Julai 2023 nanti.

Majlis seterusnya menyaksikan pengumuman BIBD Sustainability Youth Leaders Award, disampaikan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.

Pemenang-pemenang anugerah akan menerima sumbangan dana bagi melaksanakan projek yang berimpak tinggi.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil dan tanda penghargaan kepada KKBS, BIBD dan Majlis Belia Brunei oleh tetamu kehormat majlis.

MEMPERKASA, MEMBERI INSPIRASI GENERASI BELIA

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mei. - Anugerah Pemimpin Berdaya Tahan (Sustainability Leaders Awards) yang diperkenalkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dihasratkan untuk mengenal pasti dan meraikan usaha-usaha para belia Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah membina masa

depan yang berdaya tahan.

Sebagai yang pertama seumpamanya, Anugerah Pemimpin Berdaya Tahan BIBD bertujuan untuk memperkasa dan memberi inspirasi kepada generasi akan datang untuk mengambil langkah berani ke arah menangani cabaran-cabaran alam sekitar, sosial dan ekonomi, bagi menempa

laluan ke arah masyarakat yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Pengumuman anugerah tersebut dibuat pada Majlis Penutup Dialog Belia Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (SDG) oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.

"Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah menyaksikan tumpuan yang semakin meningkat pada kemampanan, didorong oleh keperluan mendesak untuk melindungi planet kita untuk generasi akan datang.

"Belia hari ini berada di barisan hadapan pergerakan ini, mempamerkan semangat, dedikasi dan idea-idea inovatif yang sangat besar dalam mengejar dunia yang lebih mampan," ujar Awang Junaidi.

Di BIBD tambahnya, mereka percaya dalam memupuk dan memperkasakan generasi akan datang kerana memahami peranan kritikal yang para belia mainkan dalam membentuk masa depan, terutamanya ke arah memajukan Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs).

Beliau seterusnya berkata bahawa Anugerah Pemimpin Berdaya Tahan BIBD akan menjadi

platform untuk mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada belia yang cemerlang yang telah menunjukkan komitmen luar biasa terhadap amalan dan inisiatif mampan yang boleh membantu mengemudi kemajuan negara ke arah mencapai matlamat. Anugerah berkenaan dibahagikan kepada tiga kategori.

Kategori Kluster akan menyaksikan BIBD menganugerahkan BND3,000 kepada juara setiap kluster iaitu Kluster Pendidikan, Kluster Kesihatan, Kluster Alam Sekitar dan Kluster Pekerjaan.

Dalam kategori kedua, sebanyak dua juara individu, Anugerah Pemimpin Berdaya Tahan BIBD - Berinspirasi dan Berinspirasi Wanita Paling Berinspirasi masing-masing akan diberi ganjaran Akaun BIBD Aspirasi (Sijil Deposit) bernilai BND1,000.

Manakala kategori ketiga ialah Projek Berdaya Tahan Terbaik Keseluruhan yang akan menyaksikan penganugerahan BND3,000 kepada para pemenang.

Anugerah ini akan mengiktiraf mereka yang secara aktif berusaha ke arah dunia yang lebih mampan dan inklusif, sama ada dalam melaksanakan projek mesra



PENGARAH Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri berucap pada majlis tersebut.

alam, mempromosikan tenaga boleh diperbaharui, mendidik orang ramai dan meningkatkan kesedaran tentang kelestarian atau memperjuangkan keadilan sosial.

Pelaksanaan anugerah ini adalah sebahagian daripada komitmen pembiayaan BIBD sebanyak BND2 bilion ke arah kemampanan di bawah Rangka Kerja Kelestarian BIBD dan usaha berterusan ke arah mencapai UNSDGs.

BIBD baru-baru ini menyokong Dialog Belia SDG yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri dari 15 Mei hingga 17 Mei 2023.



جائزۃ فرائض ايكولوجي دان ستاتيستيک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGUSAHA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

MEMPERKASA INSTITUSI KELUARGA BAGI MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mei. - Keluarga adalah merupakan unit terkecil dalam masyarakat yang terbentuk setelah wujudnya perkahwinan yang sah dengan tujuan membentuk keluarga yang bahagia, tenteram dan sejahtera.

Unit ini mungkin berkembang dengan lahirnya anak-anak daripada mereka, namun dalam maksud lain yang lebih luas, keluarga meliputi semua pihak yang mempunyai hubungan darah dan keturunan.

Perkara berkenaan dinyatakan dalam ucapan perasmian Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan pada Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Ushrah 2023 (Muafiq23) sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 1444H/2023M yang diadakan di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), di sini.

Dalam ucapan yang

disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, selaku wakil peribadi Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, seterusnya menggariskan beberapa konsep yang berhubung daripada keluarga di dalam Al-Quran.

Antaranya, 'keluarga itu bermula dari awal pembentukan suami isteri', 'hak dan kewajiban masing-masing suami isteri', 'perwarisan', 'perwalian', 'kehadiran anak sebagai penyejuk mata dan perhiasan dunia'; di samping itu, Al-Quran juga mengingatkan 'anak dapat menjadi musuh dan fitnah', dan 'anak juga adalah sebagai amanah dan menjaga amanah adalah sebagai kewajiban orang yang beriman'.

"Pada era pascaglobalisasi ini, kita sering mendengar masalah sosial dalam kalangan remaja. Sebenarnya, banyak faktor penyebab kenapa berlakunya masalah sosial dalam kalangan remaja ini. Antaranya adalah

berpunca daripada remaja itu sendiri, pengaruh rakan sebaya atau masalah persekitaran sekolah dan tidak kurang juga disebabkan latar belakang keluarga yang bermasalah.

"Islam sebenarnya memberikan perhatian besar terhadap kehidupan keluarga dengan meletakkan kaedah-kaedah bagi memelihara kehidupan keluarga daripada kehancuran dan ketidakharmonian. Ini kerana daripada institusi keluarga inilah, kita dapat membina dan membangun generasi; daripada keluarga inilah masing-masing memiliki rasa tanggungjawab untuk melakukan tugas sebagai anggota keluarga; dan daripada keluarga inilah juga kepatuhan dan kecintaan kepada hidup beragama dapat dibina dan dibangun. Keluarga adalah asas pertama untuk membangun masyarakat yang diharapkan dapat melahirkan generasi-generasi yang mampu meninggikan syiar Islam," jelasnya lagi.

Oleh sebab itu tambahnya lagi, kita berkewajipan memberi pendidikan kepada seluruh anggota keluarga, berkewajipan

mengajar dan mendidik tentang agama, melindungi keluarga daripada sebarang gangguan, ancaman, pengaruh negatif dan kekerasan, memberi nafkah melalui usaha dan penghasilan, serta mewujudkan suasana keluarga yang nyaman, saling menghargai, menghormati, menghibur dan penuh kasih sayang.

Terdahulu itu, Awang Haji Mohd. Serudin berkata, tema Mu'tamar yang dipilih dan akan dibahaskan dalam Mu'tamar, iaitu 'Membina Keluarga Bahagia Bertauladankan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' adalah bertepatan dan sangat relevan memandangkan Negara Brunei Darussalam (NBD), pada 7 Mei 2023 yang lalu menyambut Hari Keluarga Kebangsaan (HKK).

Sambutan HKK terangnya merupakan wadah untuk menyatukan secara Whole of Nation dalam menyampaikan mesej mengenai kepentingan keharmonian keluarga dan pengukuhan institusi keluarga untuk mengatasi segala cabaran, terutama sekali dalam perpaduan masyarakat dan pembangunan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, selaku wakil peribadi Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap pada majlis berkenaan.

negara.

Beliau seterusnya berharap Mu'tamar berkenaan dapat mengupas tema tersebut sebagai usaha untuk memperkasa institusi kekeluargaan bagi membantu meningkatkan lagi kualiti kehidupan berkeluarga di NBD.

Mempraktikkan Tarbiyah Islam dalam kekeluargaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mei. - Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Ushrah 2023 (Muafiq23) diadakan bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan kepentingan untuk membentuk 'keluarga yang bahagia lagi sempurna'.

Di samping itu, Mu'tamar juga diadakan bagi mempraktikkan Tarbiyah Islam dalam kekeluargaan dengan mencontohi cara Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Ushrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Sham bin Haji Amin dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Perasmian Muafiq23 yang diadakan di Dewan Tarbiah, KUPU SB, di sini.

Dr. Haji Sham yang juga selaku Pengerusi Muafiq23 seterusnya menjelaskan, Mu'tamar juga diadakan dengan objektif memperkasa pendidikan kekeluargaan Islam dalam kalangan umat Islam masa kini.

Di samping itu tambahnya, ia juga bagi mengenal pasti pelbagai

isu dan cabaran dalam kehidupan berkeluarga dan mencapai penyelesaian dalam jangka pendek dan jangka panjang ke arah kehidupan berkeluarga yang penuh harmoni, bahagia dan sempurna.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa dipimpin oleh Pegawai Pelajaran KUPU SB, Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya, diikuti dengan bacaan Asma Al-Husna dan nyanyian Lagu Kebangsaan beramai-ramai.

Hadir pada Majlis Perasmian Mu'tamar selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, selaku wakil peribadi Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; dan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Dalam pembentangan kertas utama satu bertajuk 'Mengurus

Konflik Keluarga dan Kerja Dalam Alaf Baharu Berpandukan Pendekatan Dakwah' yang disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail dari Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya antara lain menyatakan bahawa alaf baharu dikejutkan dengan pandemik dan endemik COVID-19 yang memberi pelbagai impak positif dan negatif kepada seluruh masyarakat dunia.

Tambahnya, impak sama ada positif atau negatif dari sudut ekonomi, kesihatan, pendidikan, hubungan sosial dan kekeluargaan, budaya kerja, emosi dan yang amat penting adalah pegangan dan penghayatan beragama.

Sementara itu, Ra'es KUPU SB dalam kertas utama dua bertajuk 'Pendidikan dan Kurikulum Keluarga sebagai Madrasah Utama' antara lain menjelaskan bahawa dalam membina sebuah keluarga *sakinah, mawaddah dan warahmah* adalah dengan mengikut sunnah Rasulullah bagi mendapatkan keampunan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Jelasnya lagi, antara perkara yang perlu dijadikan amalan khususnya dalam berkeluarga termasuk melazimkan Doa Keluar Rumah bagi memohon perlindungan dari Allah Subhanahu Wata'ala, memberi salam kepada ahli keluarga ketika masuk rumah, membiasakan membaca *basmalah* dalam semua perkara, melazimkan doa dan zikir harian, amalkan adab berdoa, solat dan makan bersama, mengaji Al-Quran dan mendoakan ahli keluarga untuk sentiasa berbuat kebaikan.

Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Ushrah 2023 diadakan selama dua hari bermula hari ini hingga Khamis, 18 Mei 2023, dan disertai lebih daripada 200 orang peserta terdiri daripada pegawai dan

kakitangan kementerian-kementerian dan institusi-institusi pengajian tinggi dengan mengetengahkan empat kertas utama dan 22 kertas kajian dalam pelbagai tajuk berkaitan sub-tema yang ditetapkan.

Dengan tema 'Membina Keluarga Bahagia Bertauladankan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam', dan antara sub-tema yang dikaitkan termasuk Pendidikan Keluarga Islam, Akhlak, Tafsir, Hadis, Aqidah, Teladan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, perundangan Islam dan lain-lain lagi.

Pada sesi petang, Mu'tamar diadakan bagi sesi pembentangan selari, iaitu sebanyak lapan kertas kajian dengan tajuk yang dibentangkan termasuk 'Keluarga Sakinah : Isu, Cabaran dan Penyelesaian di Negara Brunei Darussalam'; 'Motherhood in the 21st Century : Worries and Challenges'; 'Penilaian Modul Kursus Pra-Nikah Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Unit PBRT JAMA'AT, Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam'; 'Right of Divorced Muslim Women In Thailand Under The Muslim Family Law and Law Of



PENGARAH Pusat Kajian Fiqh Al-Ushrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Sham bin Haji Amin dalam ucapan alu-aluannya.

Inheritance Code, 1946'; 'Home Based food family business from Halalan Tayyiban Perspectives: Past and Future'; 'Pengaruh Ibu Bapa Dalam Mentarbiyah Anak-anak Terhadap Pemakanan Halal'; 'Pendidikan Akhlak Dalam Membentuk Sahsiah Anak Menurut Perspektif Abdullah Nasih Ulwan'; dan 'Islamic Education Curriculum Policy At Basic Education Level (comparison study between Indonesia and Brunei Darussalam)'.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PELUANG MUALAF MERASAKAN KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI RAYA



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar atas kanan, antara yang turut hadir pada majlis tersebut.



BACAAN Al-Quran oleh pelapis Bilal Balai Ibadat Kampung Sibut, Awang Mohammad Muhaimin bin Muhammad Zulkifli.

silaturahmi antara para pegawai PDI dengan para mualaf di kawasan pedalaman. Selain itu, majlis berkenaan juga bertujuan untuk sama-sama meraikan hari-hari kebesaran Islam bersama penduduk bukan Islam di negara ini.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

TEMBURONG, Rabu, 17 Mei. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pengembangan Da'wah pagi tadi mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri bersama mualaf di Daerah Temburong.

Majlis berkenaan diadakan di Balai Ibadat Kampung Sibut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji

Timbang.

Turut hadir, Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, dan Yang Di-Pertua Persatuan Saudara Baru Daerah Temburong, Awang Muhammad Ashim Amrullah bin Abdul Rahman Menchok.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Pemangku Imam Balai Ibadat Kampung Sibut, Awang Muhd Abdul Afiq bin Muhd Sahari, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Di-Pertua Persatuan Saudara Baru Temburong.

Majlis diteruskan lagi dengan

bacaan Al-Quran oleh pelapis Bilal Balai Ibadat Kampung Sibut, Awang Mohammad Muhaimin bin Muhammad Zulkifli.

Manakala inti sari ayat dibacakan oleh pemenang tempat ketiga Musabiqah Menghafaz Ayat-ayat Lazim Bagi Mualaf Senegara 1443H/2022M, Awang Muhammad Irfan Hamizan bin Abdul Rahim.

Adapun antara tujuan majlis berkenaan diadakan adalah untuk memberi peluang kepada para mualaf di kawasan pedalaman bagi sama-sama merasa dan melihat dengan lebih dekat suasana kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri di samping mengeratkan

NBD-Australia terokai prospek penglibatan pertahanan



MESYUARAT tersebut dipengerusikan bersama oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Strategi), Kementerian Pertahanan; dan Assistant Secretary (Southeast Asia), International Policy Division, Jabatan Pertahanan Australia, David Lewis (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

>> Muka 1

Kedua-dua pihak juga bertukar pandangan tentang dinamik keselamatan serantau, dan mengimbas pengurusan bersama kitaran ke-4 Kumpulan Kerja Pakar ADMM-Plus mengenai Perubahan Tentera (ADMM-Plus EWG on MM).

JKPB di antara NBD dan

Australia telah ditubuhkan melalui Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama Pertahanan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Australia yang ditandatangani pada 10 Mei 1999.

MoU berkenaan berfungsi

sebagai rangka kerja untuk memupuk hubungan pertahanan dan kerjasama yang lebih erat di antara Kementerian Pertahanan dan angkatan tentera kedua-dua negara, seperti kursus dan latihan, eksekusi ketenteraan, pertukaran maklumat mengenai perkara-perkara yang berkaitan keselamatan dan pertukaran lawatan di antara pegawai-pegawai kanan pertahanan dan tentera masing-masing.



Apa yang perlu saya hadapkan di dalam gambar ujian ART untuk dimuat naik dalam aplikasi Bruhealth?

كementerian كصحة
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH



Ujian ART

Sila catit ujian ini adalah bagi hari ke berapa (contoh Hari-1 atau Hari-5)



Bukti menunjukkan tarikh pada hari berkenaan

KHATAM AL-QURAN SEMPENA ULANG TAHUN PENUBUHAN

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Syarikat Kerjasama Kakitangan Jabatan Kerja Raya Brunei (SAMAKAYA) Dengan Tanggungan Berhad (DTB), juga dikenali sebagai Koperasi Samakaya, hari ini, memperingati 45 tahun penubuhannya dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Jalan Tasek Lama, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Amat Mulia Pengiran

Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, salah seorang pengasas dan pemimpin utama koperasi berkenaan. Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awangku Hassan Basri bin Pengiran Haji Ismail, diikuti dengan ucapan alu-aluan dari Pengerusi Ahli Lembaga Koperasi (ALK) 20, Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Haji Sapor. Beliau antara lain mengongsikan

antara tujuan majlis diadakan, iaitu mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan pemimpin dan ahli-ahli serta kakitangan Koperasi Samakaya, dengan pengendalian acara yang memanfaatkan sumber kemudahan dan fasiliti koperasi sendiri yang sedia ada seperti peralatan, kelengkapan, dewan dan restoran. Pembacaan 30 juz Al-Quran secara bertadarus telah diadakan sejak bulan Ramadan hingga Syawal, di mana peserta adalah



PENGERUSI Ahli Lembaga Koperasi (ALK) 20, Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Haji Sapor menyampaikan cenderahati kepada tetamu kehormat, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit (atas), manakala gambar kiri, antara yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.

terdiri dari kalangan ahli-ahli koperasi dari Jabatan Kerja Raya di seluruh negara, ALK serta kakitangan Koperasi Samakaya. Beliau juga mengongsikan beberapa kemajuan, program dan projek yang diunkayahkan sejak penubuhan Koperasi Samakaya yang telah mengharungi pelbagai cabaran serta laluan rebah

bangunnya yang telah diatasi dengan usaha gigih yang berterusan. Majlis Khatam Al-Quran turut diserikan dengan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh Kumpulan Dikir Kampung Perumahan Lambak Kanan, dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran.

Pelbagai aktiviti menarik meriahkan Aidilfitri Print Plus

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin



PRINT Plus Sendirian Berhad memeriahkan penghujung Syawal dengan mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di premis syarikat berkenaan, di Landasan Lapangan Terbang Lama Berakas (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Dalam kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri tanpa disedari kita telah berada di penghujung Syawal. Sambutan Hari Raya masih lagi diraikan oleh pelbagai pihak meskipun bulan Syawal akan melabuh tirainya tidak lama lagi. Sehubungan itu, Print Plus Sendirian Berhad hari ini, memeriahkan penghujung Syawal dengan mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di premis syarikat berkenaan, di Landasan Lapangan Terbang Lama Berakas, di sini. Majlis dihadiri oleh kakitangan dan pegawai-pegawai Print Plus Sdn. Bhd. dan rakan-rakan media. Sambutan tersebut dimeriahkan lagi dengan persembahan-persembahan Lagu Hari Raya yang dipersembahkan oleh kakitangan - kakitangan syarikat berkenaan, di samping itu turut diadakan cabutan nombor bertuah, kuiz dan juga peraduan pakaian tercantik bagi lelaki dan perempuan.

Majlis tersebut diharap dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara kakitangan dan pegawai-pegawai syarikat berkenaan.

Pengurus Am Syarikat Print Plus Sdn. Bhd. menyatakan rasa penghargaan atas sokongan, kerjasama dan komitmen berterusan yang telah diberikan daripada pihak kakitangan dan pegawai-pegawai dalam sentiasa memberikan yang terbaik kepada pelanggan-pelanggan.



كمنتين كصيحتين
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Suntikan **AKSIN**
COVID-19 diberikan
secara **PERCUMA**
kepada semua
rakyat dan
penduduk yang
bermastautin di
Negara Brunei
Darussalam





BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam adalah agama yang syumul iaitu agama yang lengkap merangkumi semua aspek kehidupan termasuklah dalam sifat kasih sayang. Kasih sayang adalah fitrah semula jadi yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan dalam naluri setiap insan. Sifat kasih sayang amat penting dalam membina sebuah keluarga yang kukuh, bahagia dan harmoni.

Sesungguhnya hubungan sebuah keluarga tergantung kepada ikatan kasih sayang antara ibu bapa, anak-anak dan ahli-ahli keluarga yang lain. Oleh itu, binalah kasih sayang sesama ahli keluarga supaya kebahagiaan dan keharmonian akan terjalin sepanjang masa. Daripada Jarir bin Abdullah Radiallahuanhu katanya : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Maksudnya : "Allah tidak mengasihi sesiapa yang tidak mengasihi manusia". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Dalam agama Islam, telah cantik disusun oleh yang Maha Berkuasa panduan hidup yang lengkap dan rapi pada segala perkara berkaitan dengan kehidupan manusia iaitu

Mengukuhkan keharmonian keluarga

melalui panduan Al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, antara aturan ilmu yang ada dalam kalam suci Allah Subhanahu Wata'ala dan panduan hidup Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah berkait rapat dengan cara membentuk keluarga harmoni dan sejahtera untuk seluruh umat manusia di muka bumi ini.

Keluarga harmoni ialah satu kelompok sosial yang terdiri daripada suami isteri, ibu bapa, anak pinak, cucu-cicit dan sanak saudara yang sama-sama dapat merasakan senang terhadap satu sama lain dan terhadap hidup itu sendiri. Mereka boleh hidup dengan gembira, mempunyai objektif hidup yang jelas untuk dicapai sama ada secara individu atau bersama, optimistik dan mempunyai keyakinan terhadap satu sama lain, berasa selesa dengan apa yang ada dan sebagainya. Keharmonian sesebuah keluarga itu akan tercapai apabila semua anggotanya sama-sama berusaha untuk mewujudkan keluarga harmoni.

Keluarga harmoni boleh dikatakan sebagai keluarga yang mana semua anggota keluarganya berasa aman, tenteram, tenang, bahagia dan mereka saling berkasih sayang semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Adapun tanggungjawab membentuk sesebuah keluarga merupakan tanggungjawab bersama. Daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanhu berkata ia, aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Dan seorang lelaki adalah pemimpin dalam urusan keluarganya dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya. Dan seorang isteri pula adalah pemimpin dalam mengurus rumah tangga suaminya dan dia akan diminta bertanggungjawab dalam kepimpinannya". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Dalam pembentukan keluarga harmoni, ibu bapa memainkan peranan yang paling utama. Antara tanggungjawab ibu bapa ialah menyediakan keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan segala keperluan yang diperlukan oleh anak. Mereka juga perlu memastikan keperluan tersebut bersumberkan dari rezeki yang halal.

Selain itu, para ibu bapa hendaklah bukan sahaja memberi kasih sayang dengan adil dan saksama kepada anak-anak bahkan tunjuk ajar dan teladan yang terbaik kepada anak-anak. Kebanyakan anak-anak yang terlibat dalam masalah sosial adalah

berpunca kerana tidak mendapat kasih sayang yang sempurna.

Justeru, ibu bapa seharusnya memberikan didikan dari aspek agama dan sosial yang sempurna kepada anak-anak semenjak mereka kecil lagi. Keluarga yang tidak dibentuk berlandaskan ajaran agama Islam, boleh mengundang berbagai-bagai masalah antaranya seperti berlaku penganiayaan, penyelewengan, masalah akhlak, sosial dan seumpamanya.

Ibu bapa haruslah menunjukkan contoh yang baik terlebih dahulu kepada anak-anak kerana ibu bapa merupakan suri teladan dalam sesebuah keluarga. Mereka hendaklah berinteraksi dengan sopan dengan anak-anak. Apabila anak-anak melihat situasi tersebut, mereka akan meneladani sikap ibu bapa mereka. Mereka hendaklah mengelakkan penggunaan kata-kata kesat, sentiasa mendengar keluhan dan pandangan anak-anak supaya anak-anak berasa dihargai dan disayangi.

Mereka juga hendaklah menunjukkan tingkah laku yang sopan dan penyayang dan mengambil berat akan kesejahteraan anak-anak. Ibu bapa hendaklah mempamerkan sikap *teamwork* dalam sama-sama mengelina kesejahteraan anak-anak agar anak-anak faham kesejahteraan dan keharmonian keluarga itu wujudnya daripada peranan kedua ibu bapanya.

Seterusnya, ibu bapa harus memantau tingkah laku anak-anak mereka dalam usaha mewujudkan keluarga harmoni. Ibu bapa harus melihat tingkah laku anak-anak sama ada positif atau negatif.

Anak-anak yang melakukan tingkah laku positif haruslah diberi pujian, manakala anak-anak yang melakukan amalan negatif haruslah dinasihati agar mereka tidak lagi mengulangi kesalahan yang sama. Sememangnya diketahui bahawa tugas mendidik anak pada zaman pasca teknologi ini sangat mencabar, sekiranya tersalah langkah pasti akan mengundang kemudaratan kepada sesebuah keluarga.

Dalam menjadikan sebuah keluarga yang harmoni ini bukan sahaja ibu bapa yang memainkan peranan penting bahkan seorang anak juga tidak kurang pentingnya dalam membentuk sesebuah keluarga yang harmoni.

Setiap anak diwajibkan taat, menghormati dan memuliakan ibu bapanya. Di samping itu, anak-anak juga wajib mematuhi segala perintah dan nasihat mereka selagi mana tidak bertentangan dengan syarak dan apabila berbicara, anak-anak hendaklah

menggunakan kata-kata yang lemah lembut serta beradab, tidak menyinggung perasaan dan menyakiti hati kedua-dua ibu bapa. Tunjukkanlah rasa terima kasih terhadap jasa kedua orang tua yang telah mendidik dan membesarkan kita.

Perlu diingat, anak-anak hendaklah sentiasa mengambil peduli dan bertanya khabar kedua ibu bapa walaupun anak-anak tersebut sudah berkeluarga dan tinggal di rumah yang berasingan dengan mereka, anak-anak juga perlu mengambil berat dan bertanggungjawab memeduli ibu bapa lebih-lebih lagi pada ibu bapanya yang sudah lanjut usia dan memerlukan penjagaan.

Adalah menjadi kewajipan kepada anak-anak agar meluangkan masa untuk memenuhi keperluan ibu bapa dari segi makan minum, pakaian, perubatan, tempat tinggal dan kasih sayang sebagaimana yang mereka berikan kepada anak-anak sewaktu kecil dahulu.

Sesungguhnya pengorbanan dan jasa ibu bapa yang melahirkan serta membesarkan kita dengan penuh kasih sayang tidak akan terbalas hatta dengan segunung emas sekalipun.

Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan institusi kekeluargaan di negara ini, Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan hari Ahad minggu pertama dalam bulan Mei setiap tahun sebagai Hari Keluarga Kebangsaan.

Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan merupakan satu wadah untuk menyatukan usaha secara Whole of Nation dalam menyampaikan mesej mengenai kepentingan keharmonian keluarga dan pengukuhan institusi keluarga untuk mengatasi segala cabaran, terutama sekali dalam perpaduan masyarakat dan pembangunan negara.

Akhirnya, marilah sama-sama kita panjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga kita mendapatkan keturunan keluarga yang sentiasa bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga keluarga kita menjadi sebuah keluarga yang harmoni serta sentiasa berada dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan juga mereka yang berdoa dengan berkata : "Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami isteri-isteri kami dan zuriat-zuriat keturunan kami sebagai penyenang hati dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa". (Surah Al-Furqan, ayat 74)

KEPUTUSAN TAWARAN TERTUTUP TPK DIKELUARKAN

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa keputusan Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) bagi tiga dan empat angka Siri BBE melalui Click-and-Bid akan diumumkan melalui laman sesawang JPD di www.jpd.gov.bn dan juga www.nomborku.gov.bn pada Jumaat, 19 Mei 2023.

Menurut Siaran Akhbar JPD yang dikeluarkan hari ini, semua penender yang telah mengikuti Tawaran Tertutup TPK sama ada berjaya atau sebaliknya juga akan menerima e-mel mengenai keputusan tawaran tersebut melalui e-mel yang telah didaftarkan bersama pihak jabatan ini.

Sehubungan dengan itu, penender yang berjaya adalah dikehendaki menjelaskan keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan TPK di atas nama penender sendiri tidak lewat satu

bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan dan jika penender gagal untuk melunaskan pembayaran dalam tempoh satu bulan dari tarikh Surat Berjaya dikeluarkan, tawaran TPK penender adalah dibatalkan.

Sementara itu, permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bolehlah dipohonkan setelah bayaran penuh dijelaskan dan dihadapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh Surat Tawaran Berjaya dikeluarkan.

Setelah pembayaran berjaya dibuat, sekiranya pemohon belum mendaftarkan TPK dan berhasrat untuk menyimpan TPK, Penahanan TPK bolehlah dibuat dengan jumlah bayaran Penahanan sebanyak BND20 bagi tempoh setiap satu tahun Penahanan.

Tempoh minima bagi penahanan adalah satu tahun dan maksima 10 tahun mengikut jangka masa yang dipilih bagi setiap TPK.

Pembayaran TPK berjaya dan Penahanan TPK boleh dilaksanakan melalui dalam talian

atau di mana-mana kaunter cawangan JPD.

Jika penender ingin menyerahkan TPK berkenaan dikehendaki membuat bayaran perkhidmatan serah berjumlah BND5 dan TPK hanya boleh diserahkan selepas tempoh 12 bulan dari Tarikh Surat Berjaya; dan TPK boleh diserahkan kurang daripada 12 bulan dari tarikh Surat Berjaya dengan syarat TPK berkenaan telah digunakan (didaftarkan) atas nama pemilik TPK.

Manakala, bagi penender yang gagal untuk membayar harga tawaran TPK yang ditawarkan akan disenaraihitamkan dari menyertai tawaran tertutup bagi tempoh satu tahun dan TPK berkenaan akan ditawarkan semula.

JPD sukacita ingin mengucapkan tahniah kepada penender-penender yang berjaya dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penender di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa

waktu pejabat melalui talian 2451990 / 91, WhatsApp +6737181641 atau melalui e-mel info_ltd@jpd.gov.bn. Orang ramai

juga boleh melayari laman sesawang www.jpd.gov.bn dan Instagram [@jpd.bn](https://www.instagram.com/jpd.bn) bagi maklumat lanjut.



**KEPUTUSAN BAGI SIRI BBE
AKAN DIKELUARKAN PADA:**

19 Mei 2023
(JUMAAT)

WWW.NOMBORKU.GOV.BN

Mengukuhkan Keharmonian Keluarga

جياتو حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 28 SYAWWAL 1444H / 19 MEI 2023M



Tanggungjawab seorang anak:

Taat, menghormati dan memuliakan ibubapa

Mematuhi segala perintah dan nasihat mereka selagi tidak bertentangan dengan Syara'

Menggunakan kata-kata yang lemah-lembut serta beradab

Mengambil peduli dan bertanya khabar mereka

Mengambil berat dan memeduli ibubapa lebih-lebih lagi mereka yang sudah lanjut usia dan memerlukan penjagaan

Meluangkan masa untuk memenuhi keperluan mereka



Antara tanggungjawab ibu bapa kepada anak-anak dalam pembentukan keluarga harmoni ialah:

Menyediakan keperluan-keperluan asas dan memastikan ianya bersumberkan rezeki yang halal

Memberi kasih sayang dengan adil dan saksama kepada anak-anak

Memberi tunjuk ajar dan teladan yang terbaik (*kebanyakan anak-anak yang terlibat dalam masalah sosial adalah berpunca kerana tidak mendapat kasih sayang yang sempurna*)

Memberikan didikan dari aspek agama dan sosial

Berinteraksi dengan sopan dengan anak-anak dan mengelakkan penggunaan kata-kata kesat

Sentiasa mendengar keluhan dan pandangan anak-anak (*supaya mereka berasa dihargai dan disayangi*)

Menunjukkan tingkah laku yang sopan dan penyayang

Mengambil berat akan kesejahteraan mereka dan mempamerkan sikap "teamwork"

Memantau tingkah laku mereka. Jika ia positif, haruslah diberi pujian, manakala jika mereka melakukan amalan negatif, haruslah dinasihati



KELUARGA HARMONI

Semua anggota keluarganya berasa aman, tenteram, tenang, bahagia dan saling berkasih sayang semata-mata kerana Allah

Tanggungjawab membentuk sesebuah keluarga merupakan tanggungjawab bersama, ibubapa memainkan peranan paling utama

HARI KELUARGA KEBANGSAAN

Hari Ahad minggu pertama dalam bulan Mei setiap tahun

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدَ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبَ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ،
فَاَغْفِرْ لِىْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مبابوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

PENGAGIHAN POSTER SAMBUTAN HUT ABDB KE-62



PENGERUSI Jawatankuasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-62, Kolonel (U) Hishamuddin bin Abidin bergambar ramai pada Majlis Penyerahan Poster Sambutan HUT ABDB Ke-62.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal
Haji Said

BOLKIAH GARISON, Khamis, 18 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan terus memberikan tumpuan kepada pendekatan Whole Of

Government dan juga Whole Of Nation agar dapat merealisasikan Wawasan 2035 dengan sama-sama menyumbang dan memastikan kestabilan, keamanan dan kesejahteraan negara akan sentiasa berkekalan untuk dinikmati dan disyukuri.

Dalam merealisasikan aspirasi ini, ABDB akan terus memperkembangkan serta mempertingkatkan kapasiti dan kemampuan warganya, melalui peningkatan kemahiran profesionalisme yang lebih berkualiti dan sekali gus memartabatkan kewibawaan ABDB sebagai sebuah angkatan tentera yang dihormati dan rakan kerja yang mantap, untuk sebuah negara yang selamat.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-62, Kolonel (U) Hishamuddin bin Abidin dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Penyerahan Poster Sambutan HUT ABDB Ke-62 di Dewan Wira Seni, Bangunan Pancaragam ABDB, di sini.

Menurutnya, kestabilan dan keamanan kekal sebagai prasyarat penting untuk pembangunan kesejahteraan negara, dan ia diberikan keutamaan paling tinggi dan tidak ada ruang untuk

dikompromi, di mana setiap pihak berperanan penting bagi memelihara kestabilan dan melindungi keamanan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai.

"Dalam pada itu, peramba / saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyaran dan menyeru kepada semua wakil-wakil Kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan serta Angkatan-angkatan Tentera agar dapat sama-sama membantu membarigakan atau memaklumkan kepada ahli keluarga serta orang ramai mengenai Sambutan HUT ABDB pada tahun ini yang mana akan diadakan pada Rabu, 31 Mei 2023 bertempat di Pangkalan Tentera Udara Rimba," ujarnya lagi.

Oleh yang demikian tambahnya, apa yang dihasratkan dan diharapkan adalah bagi poster-poster ini, akan dapat dipamerkan di sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi, bangunan-bangunan kerajaan, swasta dan awam bagi

memastikan maklumat-maklumat yang tepat mengenai sambutan tersebut dapat disampaikan dan dikongsikan serta diketahui umum, selain daripada membarigakannya melalui laman media sosial.

Pada majlis tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Sambutan HUT ABDB Ke-62 telah menyerahkan sebanyak 300 keping poster terbitan Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pertahanan kepada wakil-wakil dari Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan, wakil-wakil dari Unit-unit ABDB dan Persatuan Bekas Perajurit Negara Brunei Darussalam (PBKNBD).

Dengan tema 'Bersama Menjayakan Wawasan Negara', pengagihan poster-poster tersebut bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai Sambutan HUT ABDB Ke-62 tahun ini dengan Upacara Perbarisan Raksasa Hari Kemuncak sambutan akan diadakan pada 31 Mei 2023 di Pangkalan Tentera Udara Rimba.



PENGERUSI Jawatankuasa Sambutan HUT ABDB Ke-62, Kolonel (U) Hishamuddin bin Abidin hadir pada Majlis Penyerahan Poster Sambutan HUT ABDB Ke-62 di Dewan Wira Seni, Bangunan Pancaragam ABDB.

Raikan Aidilfitri bersama warga Pusat Ehsan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin



RESTORAN Kaka meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama insan-insan istimewa dan warga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di kediaman Pemilik Restoran Kaka, Awang Samir bin Haji Kassim dan Hajah Surayati binti Haji Kipli di Kampung Rimba.

RIMBA, Khamis, 18 Mei.- Insan-insan istimewa terus diraikan dalam Sambutan Hari Raya Aidilfitri oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan itu, Restoran Kaka meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama insan-insan istimewa dan warga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam bertempat di kediaman Pemilik Restoran Kaka, Awang Samir bin Haji Kassim dan Hajah Surayati binti Haji Kipli di Kampung Rimba, di sini.

Hadir sama ialah Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab.

Seramai 120 terdiri daripada para pelajar dan kakitangan Pusat Ehsan menghadiri sambutan berkenaan.

Sambutan tersebut adalah untuk berkumpul dan mengeratkan lagi hubungan yang erat di antara pihak berkepentingan, di samping beramah mesra bersama insan-insan istimewa di pusat tersebut.

MAJLIS DOA KESYUKURAN MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan Sijil Penghargaan dan cenderahati kepada wakil media (atas), manakala gambar kanan, antara pegawai dan kakitangan yang hadir pada majlis berkenaan.



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Khalid Doughty

BERAKAS, Khamis, 18 Mei. - Bersempena Memperingati Penubuhannya Ke-71, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri pagi tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran diselenggarakan dengan penyampaian Sijil Penghargaan dan cenderahati kepada pegawai dan kakitangan jabatan yang telah bersara dan wakil-wakil media.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

Hadir sama, Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim, dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, Pengurus-pengurus Am dan beberapa wakil media.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Ali Mashod, yang kemudian diisikan dengan persembahan

Selawat Tafrijiyyah oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil.

Doa Kesyukuran dibacakan oleh Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.

Jabatan Penerangan mencecah usia 71 tahun pada 1 April 2023, di mana pelbagai perkembangan dan kemajuan telah dicapai dalam usahanya membudayakan masyarakat bermaklumat.

Selain itu menggalas tanggungjawab sebagai peneraju dalam pembarigaan maklumat rasmi berteraskan Melayu Islam Beraja yang sahih, berkualiti, cepat, tepat dan berwibawa untuk menyerlahkan imej raja dan negara, bagi mendukung Wawasan 2035, melalui pemerksaan penyebaran maklumat rasmi ke arah mengukuhkan perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara.

Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan dalam mengikuti perkembangan revolusi industri keempat dalam usahanya untuk

membarigakan dasar, program dan aktiviti kerajaan dengan memperkenalkan dan menggunakan media sosial terdiri daripada seperti Facebook,

Instagram dan Twitter, di samping aplikasi mudah alih telefon bimbit, InfoDept.BN dan We ASEAN.

Beberapa program Sempena Sambutan Penubuhan Jabatan

Penerangan diadakan antaranya Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja dan Sesi Motivasi bagi Warga Jabatan Penerangan.

مقرر كنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**
InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di
Available on the **App Store** GET IT ON **Google Play**

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



KUIZ PENERANGAN

ANJURAN JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI
SEMPENA SAMBUTAN MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN
KE-71, TAHUN 2023

SOALAN 02

- Bilakah Jabatan Penerangan menyambut penubuhannya ke-70 tahun?
A. 1 April 2022
B. 1 Mei 2022
C. 1 Jun 2022
- Bilakah Jabatan Penerangan memperkenalkan sebuah terbitan berbentuk newsletter yang dikenali sebagai 'Brunei Darussalam Newsletter'?
A. Oktober 1984
B. Oktober 1985
C. Oktober 1986
- Sila nyatakan pada tahun bilakah Jabatan Penerangan mula memperkenalkan E-Paper Pelita Brunei yang boleh dimuat turun melalui telefon pintar atau tablet?
A. 2014
B. 2015
C. 2016
- Sila nyatakan nama program Jabatan Penerangan yang dihasratkan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan dikalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.
Sila nyatakan nama program berkenaan: _____
- Program Sua Muka, Program Masyarakat Bermaklumat dan Program Sivik Mahasiswa/ Mahasiswa Negara Brunei Darussalam merupakan antara program interpersonal yang dikendalikan oleh Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan. Betul atau Salah?
Jawapan: _____

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

24 Mei 2023 (Rabu), Jam : 4.30 petang

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Kuiz dibukakan kepada orang ramai berumur 12 tahun dan keatas (kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta ahli keluarga).
- Hanya dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja.
- Sila hantarkan jawapan beserta maklumat di bawah dengan betul dan lengkap ke alamat e-mel berikut: unit.kenegaraan@information.gov.bn

KETERANGAN PESERTA

Nama: _____
No. Kad Pengenalan: _____
Tarikh lahir & Umur: _____
Nombor Telefon: _____

HADIAH PEMENANG

- Pemenang adalah dihadkan kepada 5 pemenang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai yang berjaya menjawab dengan tepat.
- Para pemenang akan menerima hadiah berupa voucher bernilai BND50 setiap seorang.
- Para pemenang akan dihubungi untuk mengambil hadiah.

13 Mei 2023 dan 20 Mei 2023

Muat turun aplikasi mudah alih :



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn



Pelita Brunei



pelitabrunei



pelitabrunei

RAMAH MESRA AIDILFITRI ERATKAN UKHUWAH



TUTONG, Khamis, 18 Mei. - Takmir Masjid Kampung Telisai dan Majlis Perundingan Kampung Telisai Tutong malam tadi mengadakan

Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri dan Sambutan Hari Keluarga yang berlangsung di Masjid Kampung Telisai, Tutong,

di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Tazkirah Ringkas yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Telisai, Awang Saipol bin Ismail.

Pegawai Hal Ehwal Masjid dalam tazkirahnya menjelaskan sambutan berkenaan adalah untuk mengeratkan ukhuwah perpaduan masyarakat, kerana hakikatnya, kita semua adalah bersaudara selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan persembahan Puisi Raya daripada Awang Noorshamsudin bin Md. Yassin, dan diikuti dengan persembahan



Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Tausyeh dari Muslimah Masjid Kampung Telisai.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Junaidi bin Haji Sabtu.

Juga hadir, ahli-ahli Takmir Masjid Kampung Telisai dan Majlis Perundingan Kampung Telisai Tutong serta penduduk-penduduk kampung yang bermastautin di Kampung Telisai.



SEKITAR Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri dan Sambutan Hari Keluarga yang dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong selaku tetamu kehormat majlis (atas sekali kanan, kiri, atas sekali kiri dan atas).

BSP anjur Sambutan Hari Raya Aidilfitri



SYARIKAT Brunei Shell Petroleum (BSP) semasa menganjurkan Sambutan Hari Raya yang berlangsung di Pusat Insani, Seria.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BELAIT, Khamis, 18 Mei. - Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) telah menganjurkan Sambutan Hari Raya yang berlangsung di Pusat Insani, Seria, hari ini.

Sambutan tersebut merupakan inisiatif pelaburan sosial tahunan yang dijalankan untuk memupuk

hubungan harmoni dengan pihak berkepentingan BSP melalui perayaan Hari Raya Aidilfitri.

Antara yang hadir ke majlis tersebut ialah Pegawai Kanan BSP, pegawai dan kakitangan kerajaan dan para jemputan khas serta kakitangan BSP bersama-sama keluarga dan rakan

mereka.

Semasa sambutan berlangsung, para jemputan dijamu dengan menu hidangan Hari Raya seperti nasi, ayam, daging, ikan, kambing, kek dan lain-lain.

Selain pelbagai jamuan makanan dihidangkan, majlis turut dimeriahkan dengan permainan kuiz yang disertai oleh tetamu yang hadir.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki

Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Rakan Anda

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSQR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (Reputasi / pengkat serta sijah / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijah transkrip dan pengiktirafan Matrik Kelulusan Pengiktirafan Kelulusan (PSQR) yang berkenaan)
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Isian / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui dalam iklan iklan)

Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. NELAYAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2023/MAY/12	JABATAN PERIKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	27 MEI 2023
2. PEGAWAI PELAJARAN KANAN G.15 (BAHAGIAN II) 2023/MAY/09	POLITEKNIK BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	01	38(B)	27 MEI 2023
3. KETUA BAHAGIAN PENERBITAN B.3 (BAHAGIAN II) 2023/MAY/11	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	38(A)	29 MEI 2023
4. MANDUR F.2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2023/MAY/13	PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	29 MEI 2023
5. PEMBERSIH PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2023/MAY/14	PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	09	7(A)	29 MEI 2023
6. PEGAWAI PERTANIAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2023/MAY/15	JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	29 MEI 2023
7. ATENDAN DEWAN F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2023/MAY/16	JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	06	7(A)	29 MEI 2023

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : BFRD / LTK / 01 / 2023-2024

Tajuk Tawaran : Supply And Delivery 1 Unit Fireboat 25 Feet Complete With Trailer

Bayaran Tawaran : BND5.00 (Lima Ringgit Sahaja)

Bilangan Tawaran : BFRD / LTK / 02 / 2023-2024

Tajuk Tawaran : Membekal Dan Penyediaan Pemakanan Secara Katering Bagi Kursus Asas Ahli Bomba Pelatih Lelaki Skuad 51 / 2023-2024

Bayaran Tawaran : BND10.00 (Sepuluh Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 6 Jun 2023, Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : JBT / S / 05 / 2023-2024

Tajuk Tawaran : Desludging Works, Repair And Replacement Of Existing Sewerage Pump Control Panel At Tutong Municipal Department Housing, Kampung Sengkarai, Tutong District

Tarikh Tutup Tawaran : Rabu, 7 Jun 2023, Jam 2.00 Petang



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran : JPA / AME / 2021-2024 / 05 / R (Kelas II dan ke atas)

Tajuk Tawaran : The Provision Of Comprehensive Maintenance Of Automatic Sliding Door Dorma Es200 At Brunei International Airport

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tender : Isnin, 15 Mei 2023

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tender : Isnin, 5 Jun 2023, Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tender : Selasa, 6 Jun 2023

Kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Tingkat 4, Jalan Menteri Besar Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

Syarat-Syarat Tawaran:

Rujukan Tawaran : JPA / 1.4 / UPP / P

Tajuk Tawaran : 1 Year Contract For Food And Beverage Kiosk Operation At Public Service Department Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang

Bayaran Tawaran : BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 23 Mei 2023, Jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : JDB / 5.5 / KAD JEMPUTAN / E / 2023

Tajuk Tawaran : Sebut Harga Mencetak Dan Membekal Kad-Kad Jemputan, Kad-Kad Masuk Di Padang Bandaran Dan Dewan Santap, Kad-Kad Letak Kereta, Sarung-Sarung Surat Untuk Jemputan, Lembaran Kenangan, Kad Menu Santap, Sampul Surat Dan Letterhead Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun Peringkat Daerah Belait.

Yuran Tawaran : BND5.00

Tarikh Tutup : Selasa, 30 Mei 2023



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga : IKAN / 78(Q) / 0002 / 2023

Tajuk Sebut Harga : Supply and Delivery Of Laboratory Consumables to Fisheries Research and Development Division

Tarikh Tutup Sebut Harga : Khamis, 1 Jun 2023, Jam 2.00 Petang.



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran : JKP / SH / 2023 - 2024 / 14

Tajuk Tawaran : Event Management Services For Kenali Negara Kitani Carnival 2023

Tarikh Tutup Tawaran : Khamis, 1 Jun 2023, Jam 2.00 Petang



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran : JPI / 2 / 2023

Tajuk : Supply, Delivery, Install, Testing and Commissioning Of the Marine Mooring With Floating Buoys Phase 3 At Designated Commercial Fishing Vessel Anchorage Area, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup : Selasa, 20 Jun 2023, Jam 2.00 Petang





**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran :
DCA / AFS / 2023-2024 / SH-07

Supply of Mobile High Pressure Compressor for Compressing Air and Breathing Air to Department of Civil Aviation

Tarikh Tutup :
Rabu,
7 Jun 2023

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Seksyen Kewangan,
Bangunan Ibu Pejabat,
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN DAERAH
BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDBM / T / 01 / 2023

Tajuk Tawaran :
Membekalkan Kayu Bagi
Tempoh Satu (1) Tahun
Ke Jabatan Daerah Brunei
dan Muara Bagi
Pemeliharaan Jambatan dan
Jeti Di Keseluruhan
Mukim-Mukim
Di Kampong Ayer
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Pada :
Selasa,
30 Mei 2023,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PDP / 023 / 2023

Tajuk Tawaran :
Provision of
Security Guards Services
66/11KV Substations
Statewide, Over A Period
of Thirty-Six
(36) Months

Tarikh Tutup :
Selasa,
6 Jun 2023,
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PDP / 028 / 2023

Tajuk Tawaran :
Proposed
System Studies
for
The Integration
of Solar Power Plant
In Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa,
6 Jun 2023,
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Peti Tawaran / Tender Box
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Level B2
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jalan Menteri Besar
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
Mempunyai Pendaftaran
Profesional Electrical
Practitioner (M&E)
Yang
Berdaftar Dengan
BAPEQS,
Brunei Darussalam

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh di Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



Tempat Tutup :
Peti Tawaran / Tender Box
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Level B2
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jalan Menteri Besar
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
ROCBN
dan
Syarikat Sekuriti
Yang
Berdaftar Dengan
Jabatan Polis
Diraja Brunei

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh di Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga :
TERMINAL / 2023-2024 / SH-03

Sebut Harga
Bagi
"The Supply,
Delivery, Installation
and Commissioning
Of 32" & 42" Flight
Information
Display System (FIDS)
At Brunei International Airport"

Tarikh Tutup :
Rabu,
24 Mei 2023

Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga,
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat,
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi,
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 18 / 23 - 24

Tajuk Sebut Harga :
Membekal, Membina dan
Memasang Meja, Partition dan
Frame Led Di Studio Berita,
Radio Televisyen Brunei

Bayaran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas Sebut Harga :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
24 Mei 2023,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga :
3 / MEI / KKBS /
BKBN / 1.40 / 23

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan,
Penghantaran,
Pemasangan
Dan
Penguji Projektor
Di Dewan Serbaguna,
Kem Latihan
Program Khidmat
Bakti Negara
(PKBN)
Batu Apoi,
Temburong

**Tarikh Tutup
Sebut Harga :**
Khamis,
25 Mei 2023,
Tidak lewat
jam 2.00
Petang



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No. BCY / CP / 338 / 2022

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Dayang Zulhijjah binti A.
Muhaimin (00-255838)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **11 Mac 2023**.

Nama dan alamat terakhir

diketahui :
**Dayang Zulhijjah binti A.
Muhaimin**
**No. 12, Simpang 118,
Jalan Binglu Utara,
Teres Meragang
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Petisyen :
24 Januari 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh
diperoleh di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi dengan seberapa
boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
**Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.**

Bertarikh :
29 Mac 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **11 Mac 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11),
Mahkamah Besar pada 22 Mei
2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti
kamu mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat
dari 24 jam sebelum waktu
yang ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan di perjumpaan
ini mestilah diserahkan-simpan

kepada saya tidak lewat dari
24 jam sebelum waktu yang
telah ditetapkan bagi perjumpaan
ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **22 Mei 2023, jam 9.00 Pagi di
Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang
diberi kuasa secara bertulis,
bolehlah menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam
penghutang, mengenai dengan
hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
29 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 107 / 2002

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang - Hajah
Nava Kanniah (BGIC No.
50-655318) - Alamat - No. 6,
Simpang 615, Kampung Madewa,
Jalan Tutong, Negara Brunei
Darussalam, **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam. **Nombor** -
Kebankrapan Bil. 107 Tahun 2002.
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 7.2 sen Pertama atau
terakhir selainnya** - Pertama **Bila
Kena Dibayar** - 1 April 2023.
Di Mana Kena Bayar -
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh :
1 April 2023

Kes No. BCY / CP / 621 / 2011

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang - Mohammad
Azmi bin Haji Ahmad (BYIC No.
00-127664) -Alamat - No. 17,
Simpang 342-46-5, STKRJ Tungku
Gadong, Negara Brunei
Darussalam, **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam. **Nombor** -
Kebankrapan Bil. 621 Tahun 2011.
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 58.8 sen Pertama atau
terakhir selainnya** - Pertama **Bila
Kena Dibayar** - 3 April 2023.
Di Mana Kena Bayar -
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh :
3 April 2023

Kes No. BCY / CP / 165 / 2002

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang - Haji
Mohammad bin Taha (BYIC No.
00-036716) - Alamat - No. 17-11,
Jalan Haji Halus, Kampong Bunut,
Jalan Tutong, BF1320, Negara
Brunei Darussalam, **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam. **Nombor** -
Kebankrapan Bil. 165 Tahun 2002.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu

**ringgit - 12.7 sen Pertama atau
terakhir selainnya** - Pertama **Bila
Kena Dibayar** - 3 April 2023.
Di Mana Kena Bayar -
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh :
29 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 476 / 2011

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Nama Penghutang - Rahman bin
Haji Matali (BYIC No. 00-079287) -
Alamat - No.30, Simpang
1185-73-193-21, RPN Bukit
Beruang, Negara Brunei
Darussalam, **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam. **Nombor** -
Kebankrapan Bil. 476 Tahun 2011.
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 100 sen Pertama atau
terakhir selainnya** - Terakhir **Bila
Kena Dibayar** - 30 Mac 2023.
Di Mana Kena Bayar -
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh :
30 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 173 / 2011

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Nama Penghutang - Norlialawati
binti Haji Md Noor (BYIC No.
00-270289) - Alamat - No. 7,
Simpang 43-4, Jalan Lasuk,
Perumahan Negara Kg. Lugu,
Negara Brunei Darussalam,
Mahkamah - Mahkamah Besar,
Negara Brunei Darussalam.
Nombor - Kebankrapan
Bil. 173 Tahun 2011. **Banyaknya
bagi tiap-tiap satu ringgit -
100 sen Pertama atau terakhir
selainnya** - Terakhir **Bila
Kena Dibayar** - 30 Mac 2023.
Di Mana Kena Bayar -
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh :
30 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 371 / 2014

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Nama Penghutang - Kilat Anak
Suring (BYIC No. 30-103595) -
Alamat - No. 7, Simpang 234, Kg.
Simbatang, Jalan Temada,
Temburong, Negara Brunei
Darussalam, **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam. **Nombor** -
Kebankrapan Bil. 371 Tahun 2014.
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 100 sen Pertama atau
terakhir selainnya** - Terakhir **Bila
Kena Dibayar** - 29 Mac 2023.
Di Mana Kena Bayar -
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh :

29 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 355 / 2014

Baiduri Bank Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

**Mahali bin Haji Awang Zunaidi
(00-119795)**
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **18 Mac 2023**.

Nama dan Alamat Bankrap :
**Mahali bin Haji Awang Zunaidi
No. 50, Simpang 1494,
Jalan Labi, Kg Sungai Mau,
Kuala Belait, KF1138
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Permohonan :
21 Disember 2022

B. Semua sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut
di atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang
yang boleh diperoleh di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 2,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
1 April 2023

Kes No. BCY / CP / 153 / 2016

Baiduri Finance Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

**Nurafini binti Abdullah @
Sua Ming Li (00-300345)**
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **9 Mac 2023**.

Nama dan Alamat Bankrap :
**Nurafini binti Abdullah @
Sua Ming Li**
**No. 24, Simpang 12,
Jalan Nenas Paun,
Kampong Katok B, Gadong,
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Permohonan :
13 Februari 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut
di atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang
yang boleh diperoleh di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 2,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara**

Brunei Darussalam.

Bertarikh :
15 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 529 / 2015

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad**
- Pemiutang / Pemetisyen

**Eddi Alex Hasmirol bin
Abdullah (00-303511)**
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **9 Mac 2023**.

Nama dan Alamat Bankrap :
**Eddi Alex Hasmirol bin
Abdullah**
**No. 21, Simpang 284.
Kampung Lambak,
Jalan Pasir Berakas,
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Permohonan :
20 Januari 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut
di atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang
yang boleh diperoleh di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 2,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.**

Bertarikh :
15 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 523 / 2012

Baiduri Finance Berhad
- Pemiutang / Pemetisyen

**Haji Morsidi bin Haji Abu Bakar
(00-067563)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang
dibuat terhadap Penghutang
berikut pada **2 Mei 2013**
telah dibatalkan pada **16 Mac
2023**.

Nama Penghutang :
Haji Morsidi bin Haji Abu Bakar

Alamat Penghutang :
**No. 28, Simpang 20, Jalan 77,
Jalan 83, Kg Perpindahan
Lanbak Kanan,
Negara Brunei Darussalam**

Bertarikh :
28 Mac 2023

**Muhammad Muzakkir
bin
Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

PENCALONAN BERSAMA KEBAYA KE UNESCO

Siaran Akbar dan Foto: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



NEGARA Brunei Darussalam bersama Malaysia, Singapura dan Thailand bersetuju mengangkat kebaya sebagai pencalonan bersama ke UNESCO bagi tahun 2023, memandangkan ia adalah warisan bersama yang diamalkan di negara-negara rantau Asia Tenggara (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Mei. - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Malaysia, Singapura dan Thailand bersetuju mengangkat kebaya sebagai pencalonan bersama ke Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di bawah kategori Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity bagi tahun 2023.

Ini merupakan pencalonan pertama bagi Negara Brunei Darussalam dan juga pencalonan

bersama melibatkan keempat-empat negara.

Semua negara tersebut telah berbincang dan bersetuju untuk bekerjasama bagi pencalonan bersama kebaya, memandangkan ia adalah warisan bersama yang diamalkan di negara-negara rantau Asia Tenggara.

Kebaya juga mewakili dan meraikan kekayaan warisan bersama, menggalakkan pemahaman silang budaya agar ia terus kekal diamalkan oleh pelbagai komuniti di seluruh Asia Tenggara. Pencalonan kebaya ini diusulkan dan diketuai oleh Malaysia dan dibincangkan

sebagai sebahagian daripada siri mesyuarat kerja di antara Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Beberapa perbincangan dan perjumpaan bersama perwakilan daripada agensi yang berkenaan, elit budaya dan wakil dari tujuh puak telah diadakan untuk mendapatkan sokongan komuniti yang merupakan salah satu kriteria yang perlu dipenuhi dalam menghadapi pencalonan.

Susulan kepada persetujuan tersebut, Bengkel Penyediaan Borang Pencalonan Kebaya ke UNESCO telah diadakan pada 1 hingga 3 November 2022 di Port Dickson, Negeri Sembilan untuk menyediakan dossier pencalonan yang melibatkan wakil negara-negara terbabit.

Jika sekiranya pencalonan ini berjaya, penyerahan dokumen pencalonan oleh semua negara dijadualkan pada penghujung bulan Mac 2023 untuk proses inskripsi pada tahun berikutnya. Negara-negara yang terlibat dalam proses ini mengalu-alukan penglibatan negara serantau yang lain untuk menyertai pencalonan bersama ini.

UNESCO di bawah Konvensyen 2003 bagi melindungi warisan budaya tidak ketara amat menitikberatkan pencalonan secara bersama untuk menjadikan budaya sebagai platform persefahaman dan dialog bersama, sekali gus menjadikan proses penyusunan sebagai peluang untuk kerjasama strategik di peringkat antarabangsa.



BRUNEI
MID-YEAR
CONFERENCE
AND EXHIBITION
2023

Brunei
TOURISM BOARD

BRUNEI
AROE OF PEACE

فرسیدغن دان قامیرن قرتغن تاهون بروني 2023

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION 2023

A nationwide event comprised of a series of conferences and exhibitions

1st June - 7th July

 bruneimyce



bruneitourism.com/myce-2023

MAIN ORGANIZERS



CO-ORGANIZERS



MEDIA PARTNERS



SUNTIK SEMANGAT, PERSEDIAAN PELAJAR HADAPI PEPERIKSAAN



BENGKEL disampaikan oleh penceramah motivasi undangan iaitu Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawi sebagai Ketua Fasilitator dari BeManfaat Management Services.

■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Seramai 170 pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) akan menghadapi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun ini.

Sehubungan itu, sekolah tersebut mengadakan Bengkel Motivasi Pelajar Cemerlang, hari ini, yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, di sini. Hadir pada majlis tersebut, Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Mariam

binti Haji Ladi.

Bengkel disampaikan oleh penceramah motivasi undangan iaitu Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Nawi sebagai Ketua Fasilitator dari BeManfaat Management Services yang memberikan nasihat dan semangat kepada para pelajar dalam persediaan mereka untuk menghadapi peperiksaan PSR



كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Hentikan penularan maklumat palsu

JANGAN SEBARKAN MAKLUMAT PALSU YANG AKAN MENYEBABKAN PANIK DIKALANGAN MASYARAKAT.

MARILAH BERSATU BAGI MELINDUNGI NEGARA YANG TERCINTA DARI WABAK COVID-19 INI.

AWDA BOLEH MEMBANTU DENGAN TIDAK MENULARKAN MAKLUMAT YANG TIDAK SAHIH.



yang akan diadakan pada bulan Oktober nanti.

Bengkel ini juga diharapkan boleh memberikan peluang untuk para murid mempersiapkan diri bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga menaikkan semangat diri bagi mendapatkan kejayaan dan memberikan kesedaran mengenai kepentingan peperiksaan PSR untuk masa hadapan pendidikan mereka.

Adapun Program Motivasi Be-Do-Get the best adalah program bertujuan meningkatkan semangat juang dan prestasi para pelajar bagi menghadapi peperiksaan PSR 2023.

Pengisian program antaranya

termasuk kepentingan syukur, menghargai pengorbanan ibu bapa dan guru serta pentingnya mempunyai sikap proaktif bagi setiap diri para pelajar dalam mencapai cita-cita yang diimpikan selain tip-tip untuk menjadi pelajar cemerlang juga turut dikongsikan.

Para pelajar juga melibatkan diri dalam permainan *team building* bagi mempertingkatkan potensi diri dan bekerja secara berpasukan.

Terdahulu, Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Mariam sempat memberikan kata-kata aluan dan mengongsikan beberapa maklumat penting untuk persiapan para pelajar menghadapi PSR 2023 nanti.

SM SMJA rai pelajar, guru cemerlang



PENGETUA Sekolah Menengah SMJA, Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Burut semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima (atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara pelajar yang diraikan.

■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mei. - Seramai 143 pelajar masing-masing menerima Sijil Tamat Pengajian dan Anugerah Akademik Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) BC GCE 'O' level, Tahun 2022 baru-baru ini.

Dari jumlah tersebut, seramai 83 pelajar menerima Sijil Tamat Pengajian BC GCE 'O' Level 2022 bagi yang mendapat keputusan 5 'O' Level dan ke atas dan 27 pelajar menerima Anugerah Pelajar Cemerlang yang memperoleh kredit penuh dalam Peperiksaan BC GCE 'O' Level sebanyak 8 ('O' Level) dan 7 (IGCSE).

Seterusnya, seramai 24 pelajar menerima Anugerah Galakan Pelajar 'Green Zone' yang mengekalkan prestasi cemerlang dalam Peperiksaan Kelayakan ke

Peperiksaan BC GCE 'O' Level 2022 dan lapan pelajar menerima Anugerah Pelajar Cemerlang serta seorang pelajar menerima Anugerah Pelajar Cemerlang Keseluruhan.

Manakala, seramai 16 guru juga menerima sijil dan trofi atas kemajuan dalam subjek masing-masing.

Sementara itu, Pengetua Sekolah Menengah SMJA, Dayang Hajah Norhashimah binti Haji Burut dalam ucapannya menekankan agar pelajar-pelajar menjadikan majlis anugerah itu sebagai pembakar semangat agar lebih gigih serta komited untuk mengejar cita-cita.

"Hidup adalah perjuangan dan untuk berjaya memerlukan kerja keras dan sikap tidak mudah menyerah kalah. Setiap langkah

kecil yang dilakukan pasti akan menunjukkan hasil suatu masa kelak. Jadilah seorang yang positif, berusaha memperbaiki kelemahan diri dan tidak berputus asa," ujarnya semasa Majlis Sijil Tamat Pengajian dan Anugerah Akademik SM SMJA BC GCE 'O' level Tahun 2022 yang berlangsung di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, di sini.

Beliau turut mengongsikan, dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan di SM SMJA, pihak sekolah telah menyusun dan membuat penambahbaikan beberapa program supaya memberi impak yang lebih berkesan kepada pendidikan di sekolah itu.

Katanya lagi, pelajar dibimbing dari segi pengurusan masa yang lebih teratur dan juga *active learning techniques* iaitu teknik-teknik belajar yang lebih berkesan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas.

Majlis bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada pelajar-pelajar yang mencapai keputusan cemerlang, di samping sebagai dorongan untuk meningkatkan lagi prestasi dan kualiti pembelajaran dalam kalangan guru-guru dan pelajar-pelajar.



TAKLIMAT BARIGAKAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN DITERUSKAN



TAKLIMAT Pembarigaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2023 bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 diteruskan di Dewan PM Dato Shariffuddin, Bangunan Arkib NBD.

BANDAR SERI BEGAWAN, negara kepada pergerakan belia di Rabu, 17 Mei. - Anugerah Hari Belia Kebangsaan merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan la juga dalam sama-sama

menyentuh titah serta hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjadikan belia suatu aset yang perlu diberi fokus dan dihargai.

Ini membuktikan bahawa golongan belia tidak pernah diabaikan oleh pihak kerajaan dan sentiasa diberi perhatian penuh dalam pembangunan belia serta penyediaan kemudahan dan prasarana merupakan bukti kesejahteraan dan kehendak belia terpelihara.

Sehubungan itu, Taklimat Pembarigaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2023 bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023 diteruskan lagi hari ini bertempat di Dewan PM Dato Shariffuddin, Bangunan Arkib NBD.

Sesi Taklimat Pengenalan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2023 disampaikan oleh Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Dayang Hajah Noor Maslina binti Haji Sulaiman dan diselenggarakan dengan Taklimat Tatacara Pendaftaran Anugerah Hari Belia Kebangsaan yang disampaikan oleh Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Dayang Shahrinah binti Haji Abd. Rahman.

Pengiktirafan melalui anugerah tersebut merupakan sebagai satu wadah dan manifestasi dalam mendukung usaha golongan belia dalam membangun dan mengekalkan semangat kesukarelawan di kalangan masyarakat.

Penglibatan belia secara sukarela telah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

Brunei Darussalam dalam titah sempena Sambutan Hari Belia kali pertama pada 1 Ogos 2006.

Majlis juga diteruskan dengan sesi perkongsian bersama bekas pemenang Anugerah Hari Belia Kebangsaan iaitu Pengasas Bersama Projek FEED, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin yang merupakan Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan: Belia Berkhidmat, Tahun 2022 dan Penyelaras Projek Bloodkad, Awang Agus bin Muslim selaku Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan: Projek Cemerlang Untuk Belia, Tahun 2022.

Taklimat Pembarigaan tersebut dihadiri oleh pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Persatuan-Persatuan Belia dan Sukan.

Orang ramai boleh mendaftar melalui pautan <https://ddei5-0-ctp.trendmicro.com:443/wis/clicktime/v1/query?url=>

<https://ddei5-0-ctp.trendmicro.com:443/wis/clicktime/v1/query?url=www.hbk.gov.bn&umid=FE166DB4-FBDC-3305-ADBF-891E2C8F8962&auth=a5dd7243e8d5885f637f5cb287f6fc448d952f90-d88aa33a477a6ff6b8e3a010bdf2c240975ed081> dan maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman sesawang <https://ddei5-0-ctp.trendmicro.com:443/wis/clicktime/v1/query?url=www.hbk.gov.bn&umid=FE166DB4-FBDC-3305-ADBF-891E2C8F8962&auth=a5dd7243e8d5885f637f5cb287f6fc448d952f90-d88aa33a477a6ff6b8e3a010bdf2c240975ed081>.

Tarikh tutup pencalonan ialah pada Isnin, 16 Zulkaedah 1444H bersamaan 5 Jun 2023M.

Sebarang pertanyaan mengenai anugerah tersebut bolehlah menghubungi Urus Setia Anugerah Hari Belia Kebangsaan Ke-18 Tahun 2023, Jabatan Belia dan Sukan di Tingkat 3, Bahagian Belia, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau di talian +673 2381903 / 4 / 5 sambungan 1300 / 1304 semasa waktu pejabat atau e-mel ahbk@belia-sukan.gov.bn.



ANTARA yang hadir pada Taklimat Pembarigaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2023 bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18.

NBD terima EMS Cooperative Customer Care Award 2022

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SWITZERLAND, Khamis, 18 Mei. - Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah negara yang menerima anugerah daripada 22 pemenang yang merangkumi 174 ahli Express Mail Service (EMS) Cooperative yang bersaing untuk EMS Customer Care Award 2022.

Anugerah berprestij tersebut disampaikan oleh Pengarah Universal Postal Union (UPU), Masahiko Metoki dan Pengerusi Koperasi EMS, Patrick Richon.

Pemangku Ketua Pos Agung Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Dr. Rosdi bin Haji Abdul Aziz hadir bagi menerima anugerah tersebut bagi pihak Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung di UPU International Bureau di Berne, Switzerland.

EMS Cooperative Customer Care Award dianjurkan setiap tahun oleh UPU. Anugerah ini mengiktiraf pengendali pos yang menunjukkan kecemerlangan dalam menyampaikan perkhidmatan EMS, terutamanya dalam menyediakan perkhidmatan pelanggan berkualiti tinggi.

Koperasi EMS ialah sebuah badan di bawah UPU yang ahlinya terdiri daripada pengendali pos di seluruh dunia bekerjasama untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan rangkaian EMS antarabangsa.

JPP, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menjadi ahli Koperasi UPU dan EMS sejak tahun 1984.

Jabatan ini telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menambah baik perkhidmatan EMS dan mencapai kemajuan yang ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini seperti yang terbukti melalui pencapaian anugerah berprestij ini.

Anugerah ini mengiktiraf usaha jabatan untuk menyediakan perkhidmatan EMS yang cepat dipercayai dan berkualiti tinggi kepada para pelanggannya.



PEMANGKU Ketua Pos Agung Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Dr. Rosdi bin Haji Abdul Aziz hadir bagi menerima anugerah tersebut bagi pihak Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di UPU International Bureau di Berne, Switzerland.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Pengambilan Garam Berlebihan'. Tarikh Tutup : 24 Mei 2023
2. 'Meningkatkan Mutu Sukan Negara'. Tarikh Tutup : 31 Mei 2023
3. 'Keluarga Bahagia Negara Sejahtera'. Tarikh Tutup : 7 Jun 2023

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENUTUPAN SEMENTARA BAHU JALAN DI LEBUHRAYA TELISAI-LUMUT

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Mei. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutamanya pengguna-pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara bahu jalan di Kawasan Pusingan-U, KM81.3, Lebuhraya Telisai-Lumut (hala Tutong).

Penutupan sementara bahu jalan itu bermula pada Sabtu, 20 Mei 2023 hingga Isnin, 22 Mei 2023, dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang (tertakluk kepada keadaan cuaca).

Penutupan itu adalah bagi memberi ruang kepada pihak UNN untuk melaksanakan kerja-kerja *dismantling* struktur menara UNN (sila rujuk peta).

Sehubungan itu, para pengguna jalan raya dinasihatkan untuk memperlambatkan kenderaan dan sentiasa berhati-hati di kawasan berkenaan.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam (TD) 123 / Livechat TD 123 (+673 8333123) atau e-mel pro@pwd.gov.bn.



PENUTUPAN sementara bahu jalan di Kawasan Pusingan-U, KM81.3, Lebuhraya Telisai-Lumut (hala Tutong).



Ular Bakau

KEHIDUPAN liar dipaparkan untuk bulan Mei ini ialah Ular Bakau atau dikenali nama saintifiknya iaitu Boiga Dendrophila. Ular Bakau juga dikenali di Negara Brunei Darussalam sebagai Ular Bangkita, Ular Cincin Emas atau Ular Tatak Amas.

Merujuk kepada nama saintifiknya iaitu BOIGA DENDROPHILA :-

Genus Boiga berasal dari nama ahli herpetology yang terkenal pada Abad Ke-19 yang berasal dari Jerman, Heinrich Boie. Ular yang bersifat nokturnal atau aktif di sebelah malam ini biasanya digelar sebagai 'Ular Kucing' kerana anak matanya yang serupa mata seekor kucing. Manakala, Dendrophila ialah gabungan dua perkataan iaitu, Denron bermaksud Pokok, manakala Philia bermaksud Gemar Kepada. Dan ia merujuk kepada ragam kehidupan ular tersebut yang gemar hidup di kawasan atas pokok atau arboreal.

Badan Ular Bakau diliputi dengan warna hitam dengan sisik kuning di sekeliling muka dan berjalur di sekeliling badannya. Namun begitu, jalur-jalur kuning tersebut tidak bercantum di bahagian belakang, atau bawah perutnya. Pada amnya, Ular Bakau adalah spesies

karnivor yang memakan vertebrata lain termasuk tikus, burung kecil dan telur burung, katak, kelawar, dan ular yang lain. Haiwan yang dijangkakan hayatnya boleh mencapai sekitar 12 ke 20 tahun ini kebanyakannya berukuran daripada kepala hingga ke ekor adalah antara 6 hingga ke 8 kaki atau dalam anggaran satu perpuluhan lapan hingga ke dua perpuluhan empat meter. Mata ular ini bersaiz besar, iaitu dengan anak mata yang menirus dan menegak, atas sebab inilah juga ia digelar sebagai Ular Kucing Bercincin Kuning. Struktur matanya yang demikian rupa membolehkan ia melihat dengan lebih jelas pada waktu malam sewaktu ia aktif dan sedang berburu.

Ular Bakau mempunyai taring yang bengkok dan mencangkuk ke belakang terletak di sebelah rahang mulutnya bertujuan untuk menggigit dan mencengkam mangsanya. Kadangkala, mangsanya perlu dikunyah agar racun dapat disuntik dengan betul, namun bisa racun taringnya adalah pada tahap sederhana. Racun ular tersebut tidak membawa maut kepada manusia, tetapi boleh menyebabkan bengkak yang menyakitkan dan boleh mengakibatkan perubahan pada warna kulit.

Foto : Haji Muhammad Fauzan Haji Jamahat, Pemenang Tempat Ketiga Kategori Reptilia, BWPC 2022, JPH

Nama tempatan : Ular Bangkita / Ular Cincin Emas / Ular Tatak Amas

Nama saintifik : Boiga Dendrophila

Jenis : Reptilia

Pemakan : Karnivor - Memakan vertebrata lain termasuk tikus, burung kecil dan telur burung, katak, kelawar dan ular yang lain.

Saiz : 6 - 8 kaki (1.8 - 2.4 m)

Jangka hidup : 12-20 tahun

IUCN : Least Concern / Kurang diambil perhatian

CITES : Tidak tercatat

Status populasi terkini : Tidak diketahui

Bagi sebarang laporan mengenai dengan aktiviti-aktiviti mengancam hidupan liar di Negara Brunei Darussalam, biskita boleh menghubungi ke talian +673 2380207 semasa waktu pejabat atau e-mel terus ke info-wildlife@forestry.gov.bn. Untuk maklumat lanjut, follow Instagram

Jabatan Perhutanan, [@forestry.borneo](https://www.forestry.gov.bn). Bersama lindungi hidupan liar demi untuk memulihara hutan kitani.

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



Pameran Pengijazahan, Spectrum 2023: Lumen

Rencana dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

INDUSTRI budaya dan kreatif, merangkumi bidang seperti seni, filem, muzik. Pengiklanan, reka bentuk, fesyen dan lain-lain lagi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat. Ia berfungsi sebagai ekspresi budaya, pemangkin pertumbuhan ekonomi, penciptaan pekerjaan, dan perubahan sosial. Industri budaya dan kreatif juga merupakan asas kepada ramai usahawan muda yang menceburi perniagaan yang inovatif, di samping itu industri ini juga membolehkan menjana pendapatan, mencipta pekerjaan dan seterusnya merangsang ekonomi.

Dalam hubungan itu, 63 mahasiswa dan mahasiswi Program 'The Design and Creative Industries' (DCI), Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) mempersembahkan Pameran Pengijazahan 'Spectrum 2023: Lumen', 'Design and Creative Industries' yang mempamerkan karya menakjubkan dari gabungan siswazah yang mempunyai kepelbagaian bakat. Pameran 'Spectrum 2023: Lumen' dibahagikan kepada 10 kluster

termasuk, 'Architecture and Interior Design, Editorial Design, Digital Arts and Design, Fashion Design, Film and Media Production, Fine Arts, Game Development, Photography, Product Design' dan 'Sculpture and Installation'.

'Spectrum 2023: Lumen' dibukakan kepada orang ramai untuk menyaksikan sendiri secara lebih dekat usaha kreatif dan inovatif mahasiswa dan mahasiswi berkenaan yang lulus pada tahun ini. Pameran tersebut telah bermula pada 9 Mei 2023 dan berakhir pada 9 Jun 2023. Pameran yang diadakan di Right Wing, Dewan Canselor, UBD, dibuka pada setiap hari Selasa hingga Khamis dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang; pada hari Jumaat dari jam 2.30 petang hingga 5.00 petang; dan hari Sabtu dan Ahad dari jam 9.00 pagi hingga 8.00 malam. Manakala tutup pada setiap hari Isnin.

Pameran berkenaan kini kembali dengan penampilan yang lebih segar, lebih kreatif dari pelbagai bidang kreatif yang lebih luas. Namun, satu matlamat dalam fikiran para peserta pameran untuk mempamerkan

kreatif dan bakat yang telah mereka pupuk sepanjang tahun pengajian mereka di UBD. Dengan disiplin merangkumi penyelidikan akademik, pengurusan kreatif dan keusahawanan. Pameran berkenaan adalah gabungan hasil daripada saluran individu dan kolektif yang bertindak sebagai cara untuk para peserta pameran mengekspresikan diri mereka secara kreatif melalui bidang pilihan yang dipamerkan di 'Spectrum 2023: Lumen'. Menerusi projek kreatif ini, mereka berhasrat untuk memberi inspirasi dan menanamkan kebanggaan dalam komuniti kreatif tempatan sambil menyampaikan matlamat, dan pada masa yang sama menawarkan perspektif kreatif yang baharu dan peranannya di dunia yang lebih luas dan mencabar.

Sebagai tambahan kepada pameran, beberapa siri Taklimat Galeri diadakan setiap Selasa, Khamis dan Sabtu dari 9.00 pagi hingga 11:30 malam. Setiap taklimat menampilkan enam hingga 10 peserta pameran yang berkongsi amalan kreatif dan artistik mereka serta proses di sebalik mencipta karya-karya yang dipamerkan.

Huraian Spectrum 2023 : Lumen

'Lumen' adalah 'SI unit of luminous flux'.

Lukisan dalam konteks pameran, 'Spectrum 2023 : Lumen' yang menggambarkan usaha, seperti pancaran cahaya ke arah kreatif yang baharu muncul dengan harapan dan berkembang maju dalam industri. Sebagai pengganti yang membanggakan pelopor 'Spectrum' sebelum ini, melalui pameran ini mahasiswa dan mahasiswi berharap agar para pengunjung pameran dapat merasai apa itu industri kreatif, serta potensi dan kepentingan yang telah ditawarkan. Lebih-lebih lagi, mereka bercita-cita untuk menyalakan keperibadian dan imaginasi yang disampaikan melalui setiap karya yang dihasilkan dan dipamerkan dengan harapan agar pameran tersebut menjadi sumber cahaya dalam kegelapan yang terus bersinar dan memberi inspirasi kepada orang lain dalam memakmurkan dan memajukan industri kreatif yang semakin berkembang dengan cepat.

Pengarah Pameran 'Spectrum 2023: Lumen', Awang Nixlan Johan menjelaskan, kreativiti sering dinyatakan sebagai gerak hati artistik yang hanya memerlukan alat dan kanvas untuk berlaku. Tanggapan salah biasa yang ingin ditembusi oleh 'Spectrum'. Seperti bidang kepakaran yang lain, kreativiti ialah kemahiran yang memerlukan latihan berterusan untuk pertumbuhan dan dedikasi untuk belajar daripada pengalaman tersebut, mentaliti yang diperlukan untuk bertahan dalam era moden kerana kreativiti kini boleh menjadi kerjaya, cara hidup dan masa depan untuk kreatif yang kuat semangat dan bercita-cita tinggi.



ISTIADAT PEMAKAMAN RATU ELIZABETH II LIBAT KOS US\$200 JUTA



LONDON, 19 Mei - Istiadat pemakaman negara dan acara penghormatan terakhir Ratu Elizabeth II, yang berlangsung semasa tempoh perkabungan negara, menelan kos kira-kira £162 juta (hampir US\$200 juta), menurut

Perbendaharaan pada Khamis. Berlangsung pada 19 Sept tahun lalu, istiadat pemakaman itu diadakan 11 hari selepas kemangkatan Ratu, lapor Agensi Anadolu. Dalam tempoh itu, ratusan ribu

orang melawat Westminster untuk memberi penghormatan terakhir sehingga istiadat pemakaman negara diadakan. Pejabat Dalam Negeri menyumbang perbelanjaan tertinggi sebanyak £74 juta, diikuti

oleh Jabatan Kebudayaan, Media dan Sukan dengan £57 juta. Ketua Setiausaha Perbendaharaan, John Glen, berkata tumpuan utama kerajaan pada masa itu adalah untuk memastikan kelancaran

pelaksanaan istiadat pemakaman negara Ratu Elizabeth II, sambil mengutamakan keselamatan dan keselamatan awam. - ©BERNAMA

El Nino jejasikan ekonomi untuk tempoh yang lama

WASHINGTON, 19 Mei - Fenomena El Niño bukan sahaja menimbulkan beban kewangan malah menyebabkan penduduk dunia hilang pendapatan, lapor Agensi Berita (dpa) Jerman memetik penyelidikan terbaharu. El Niño menyebabkan pemanasan air permukaan di timur Lautan Pasifik yang mengubah arus udara dan air di seluruh dunia.

Penyelidik di Dartmouth College Amerika Syarikat yang mengkaji aktiviti ekonomi global dalam beberapa dekad berikutan peristiwa El Niño 1982-83 dan 1997-98, mendapati pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan dengan ketara lima tahun selepas setiap kejadian. Kajian itu yang diterbitkan dalam jurnal Science, mendapati ekonomi global merosot masing-masing

US\$4.1 trilion dan US\$5.7 trilion dalam setengah dekad selepas setiap peristiwa, kebanyakannya terpaksa ditanggung oleh negara termiskin di dunia di kawasan tropika. Penyelidik Justin Mankin dan Christopher Callahan mengunjurkan bahawa kerugian ekonomi global untuk Abad ke-21 dianggarkan berjumlah US\$84 trilion ekoran perubahan iklim

berpotensi meningkatkan kekerapan dan kekuatan El Niño. El Niño yang dijangkakan pada 2023 boleh menjejaskan US\$3 trilion ekonomi global menjelang 2029. "Kita boleh mengatakan dengan pasti bahawa masyarakat dan ekonomi bukan hanya terjejas dan kemudiannya pulih. "Sebaliknya di kawasan tropika dan tempat yang mengalami kesan El Niño, pertumbuhan didapati tertangguh sekurang-kurangnya lima tahun," kata Callahan. Menurut Mankin anggaran kos pemanasan global perlu

merangkumi kesan El Niño. "Kebajikan kita terjejas oleh ekonomi global dan ekonomi global pula terikat dengan iklim. "El Niño meningkatkan ketidakseimbangan yang lebih meluas dalam perubahan iklim, memberi kesan yang tidak seimbang kepada golongan yang paling mudah terjejas dan tidak bersedia dalam kalangan kita," katanya. El Niño lazimnya membawa kemarau teruk di Australia, sebahagian Afrika dan Amerika Selatan dan hujan lebat di sepanjang pantai Pasifik Amerika Syarikat. - ©BERNAMA

Lebih 843,000 penduduk hilang tempat tinggal sejak konflik Sudan bermula : IOM

GENEVA, 18 Mei - Kira-kira 843,130 penduduk Sudan hilang tempat tinggal sejak bermulanya konflik, kata Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (IOM) pada Rabu. IOM dalam satu kenyataan memberi amaran bahawa 1.8 juta lagi penduduk dijangka hilang tempat tinggal jika perang berlarutan, lapor Agensi Anadolu. Ia menyatakan bahawa mendapat 1.1 juta pelarian dan 3.8 juta penduduk hilang tempat tinggal di negara itu sebelum konflik. Walaupun hampir 259,000 orang telah melarikan diri dari Sudan ke

negara berhampiran, IOM berkata bahawa lebih sejuta pelarian dan migran yang terjejas oleh konflik mungkin berpindah ke negara jiran jika konflik berterusan. Menurut pertubuhan itu, bantuan kemanusiaan dipercayai diperlukan oleh lebih 25.7 juta orang dari dalam dan luar Sudan. IOM juga mewujudkan pelan tindak balas dan membuat rayuan untuk US\$209 juta bagi menyediakan bantuan kemanusiaan kritikal kepada mereka yang terjejas oleh krisis. Rayuan itu termasuk keperluan mendesak sebanyak US\$105 juta

untuk Sudan dan US\$104 juta lagi untuk respons di Mesir, Libya, Chad, Republik Afrika Tengah, Sudan Selatan dan Ethiopia, katanya. "Situasi kemanusiaan semasa di Sudan adalah yang paling teruk yang pernah dialami negara itu. "Berjuta-juta penduduk amat memerlukan bantuan asas seperti air, makanan dan tempat tinggal. Jika kita tidak bertindak sekarang, rakyat Sudan akan menghadapi malapetaka kemanusiaan yang tidak dapat dielakkan," kata Ketua Pengarah IOM Antonio Vitorino dalam kenyataan. - ©BERNAMA

Pemimpin Korea Utara periksa kemudahan satelit pengintip tentera

SEOUL, 17 Mei - Pemimpin Korea Utara Kim Jong Un memeriksa satelit pengintip tentera pertama negara itu dan memberi lampu hijau untuk pelan tindakan seterusnya, kata media kerajaan Pyongyang pada Rabu, sambil menambah bahawa satelit itu "sedia untuk dimuatkan" pada roket. Kim membuat pemeriksaan di tapak Jawatankuasa Persediaan Pelancaran Satelit Tidak Tetap sehari lebih awal untuk menyemak status keseluruhan satelit pengintip dan meluluskan "pelan tindakan

masa depannya", agensi berita Yonhap memetik media kerajaan, Agensi Berita Pusat Korea (KCNA). "Selepas membiasakan diri secara terperinci dengan kerja jawatankuasa itu, beliau memeriksa satelit pengintip tentera No. 1 yang sedia untuk dimuatkan selepas menjalani pemeriksaan terakhir dan ujian persekitaran angkasa lepas," katanya dalam satu mesej dalam bahasa Inggeris. Kim menegaskan bahawa kejayaan pelancaran satelit itu

adalah "keperluan segera" di bawah persekitaran keselamatan semasa dan proses "memperkuh keupayaan pertahanan atas dasar keutamaan." KCNA bagaimanapun tidak memberikan butiran lanjut mengenai "pelan tindakan masa depan," termasuk tarikh sebenar pelancarannya. Pembangunan satelit pengintip adalah satu daripada projek senjata utama diumumkan oleh Kim semasa mesyuarat parti pemerintah pada Januari 2021. - ©BERNAMA

Kebuntuan siling hutang : Biden singkatkan lawatan ke Asia Pasifik

WASHINGTON, 17 Mei - Presiden AS Joe Biden tidak akan meneruskan lawatannya ke Papua New Guinea dan Australia lewat bulan ini seperti yang dirancang berikutan kebuntuan berterusan dalam rundingan dengan para pemimpin Kongres untuk menangani isu siling hutang negara, Xinhua memetik laporan beberapa media AS pada Selasa yang memetik sumber mengetahui perkara itu. Biden akan menjadi presiden AS pertama melawat Papua New Guinea, yang diikuti lawatan ke Sydney untuk sidang kemuncak pemimpin Quad, melibatkan

Amerika Syarikat, Jepun, India dan Australia. Bagaimanapun, Biden akan tetap menyertai sidang kemuncak Kumpulan Tujuh (G7) selama tiga hari bermula Jumaat di Hiroshima, Jepun. Terdahulu, John Kirby, penyelaras komunikasi strategik Majlis Keselamatan Negara memberitahu taklimat media bahawa White House sedang "menilai semula" lawatan Biden selepas Jepun. Berita mengenai langkah presiden memendekkan lawatannya ke luar negara muncul ketika Biden bertemu dengan pemimpin kongres dari kedua-dua

parti Demokrat dan Republikan di Pejabat Oval berhubung isu siling hutang. Setiausaha Perbendaharaan Janet Yellen mengesahkan semula pada Isnin bahawa Amerika Syarikat mungkin ingkar dalam pembayaran hutangnya seawal 1 Jun jika isu siling hutang berlarutan tanpa penyelesaian. Biden akan berlepas dari Washington pada Rabu dan singgah di Anchorage, Alaska, sebelum tiba di Jepun pada Khamis, menurut panduan perjalanan yang diumumkan sebelum ini oleh White House. - ©BERNAMA

Montana Negeri AS pertama haramkan TikTok

NEW YORK, 18 Mei - Montana menjadi negeri pertama AS mengharamkan aplikasi media sosial TikTok yang dibangunkan China, apabila gabenor Republikan Greg Gianforte menandatangani rang undang-undang pada Rabu, lapor agensi berita Jerman (dpa). "Untuk melindungi data peribadi penduduk Montana daripada Parti Komunis China, saya telah mengharamkan TikTok di Montana," ciap Gianforte selepas menandatangani rang undang-undang itu. Peraturan baharu itu melarang gedung aplikasi App Store daripada menawarkan aplikasi perkongsian video itu mulai 1 Jan 2024 selain dan menghalang TikTok daripada beroperasi sebagai perniagaan di negeri berkenaan. Selagi platform media sosial itu masih tersedia, penyedia aplikasi perlu membayar denda US\$10,000 setiap hari. Pengguna bagaimanapun tidak akan didenda dan mereka yang sudah mempunyai aplikasi itu pada peranti mereka tidak terjejas. TikTok masih belum memberi maklum balas terhadap perubahan undang-undang itu. Namun tindakan undang-undang yang mencabar larangan berdasarkan hak kebebasan bersuara, mungkin difailkan. Dimiliki oleh syarikat China ByteDance, TikTok telah pun diharamkan pada peranti milik kerajaan di Kanada, Australia, New Zealand, Britain dan AS, di tengah-tengah kebimbangan akan keselamatan siber. Aplikasi itu mempunyai lebih daripada satu bilion pengguna di seluruh dunia dan digunakan secara meluas di AS dan Eropah, mencetuskan kebimbangan bahawa pihak berkuasa China dan agensi risikan mungkin menggunakan aplikasi itu untuk mengumpul maklumat daripada pengguna atau menyebarkan pengaruh. Syarikat itu menafikan dakwaan sedemikian. - ©BERNAMA

Tragedi arak beracun : Angka kematian di Tamil Nadu meningkat kepada 20

NEW DELHI, 17 Mei - Angka kematian akibat tragedi arak beracun di Tamil Nadu selatan India telah meningkat kepada 20 setakat ini. Kematian dilaporkan di dua daerah, iaitu Villupuram (13); dan Chengalpattu (7), menurut Xinhua. Lebih 30 orang kini sedang menerima rawatan di pelbagai hospital di dua daerah terbabit. Mangsa mengadu mengalami muntah, kerengsaan mata, dan pening, menurut seorang pegawai kanan polis. Mangsa berkemungkinan mengambil minuman keras yang mengandungi campuran etanol-metanol dan bahan kimia lain. Sementara itu, amaran telah dikeluarkan di kedua-dua daerah, dalam usaha menjauhkan orang ramai daripada meminum minuman keras. Beberapa individu lain juga telah ditahan kerana didakwa terlibat dalam pengedaran arak haram di negeri ini. Ketua Menteri M.K. Stalin menyuarakan rasa terkejut dengan berita kematian itu dan mengumumkan pampasan sebanyak AS\$12,150 kepada setiap keluarga mangsa yang maut, dan AS\$607 kepada setiap orang yang menjalani rawatan di hospital. - ©BERNAMA

PPDB, PASUKAN POLIS SINGAPURA TERUS ERAT PUPUK PERPADUAN



PASUKAN Polis Singapura berjaya menjadi juara kejohanan Inter Forces Games pada kali ini setelah berjaya memenangi dua daripada tiga sukan yang dipertandingkan iaitu Badminton dan Bola Sepak (bawah kiri dan atas). Manakala gambar kanan, hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Malam Penutup Kejohanan Sukan Inter Forces Games tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Kejohanan Inter Forces Games dan Mesyuarat Dua Hala Ke-16 di antara Pasukan Polis Diraja

Brunei (PPDB) dan Pasukan Polis Singapura berlangsung selama tiga hari bermula 15 hingga 18 Mei 2023.

Acara tersebut merupakan

acara tahunan yang dihoskan secara bergilir-gilir oleh kedua-dua pasukan polis berkenaan.

Kejohanan Inter Forces Games kali ini mempertandingkan sebanyak tiga acara sukan iaitu Golf yang berlangsung di Padang Kelab Golf Pantai Mentiri manakala sukan Badminton dan Bola Sepak berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Pasukan Polis Singapura telah berjaya menjadi juara kejohanan Inter Forces Games pada kali ini setelah berjaya memenangi dua daripada tiga sukan yang dipertandingkan iaitu Badminton dan Bola Sepak. Manakala PPDB berjaya memenangi sukan Golf.

Penyampaian Champion Shield bagi juara kejohanan telah disampaikan oleh Pengerusi Majlis Sukan PPDB,



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



Snr Supt Pengiran Muhaimin bin Pengiran Mustapha pada Majlis Malam Penutup Kejohanan Inter Forces Games yang berlangsung di salah sebuah hotel di Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Malam Penutup Kejohanan Sukan Inter Forces Games tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Irwan bin Haji Hambali. Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Singapura, DC Lian Ghim Hua.

Selain daripada kejohanan sukan tersebut, turut diadakan ialah Mesyuarat Dua Hala Ke-16 di antara PPDB dan Pasukan Polis Singapura yang berlangsung pada 17 Mei 2023 bertempat di Ibu Pejabat PPDB.

Terdahulu, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan Timbalan Pesuruhjaya Polis Singapura, DC Lian Ghim Hua, masing-masing telah menyampaikan ucapan alu-aluan bagi membuka mesyuarat dua hala tersebut.

Kejohanan Inter Forces Games dan Mesyuarat Dua Hala di antara PPDB dan Pasukan Polis Singapura merupakan platform penting bagi mengukuhkan kerjasama di antara kedua pasukan di samping bertukar-tukar maklumat dalam memupuk perpaduan hubungan kerja rapat yang penting untuk membolehkan kedua-dua pasukan untuk berkembang maju dalam menghadapi cabaran-cabaran baharu.

Ravens BWN berentap di Asia Pacific Invitational Dodgeball 2023



PASUKAN Ravens BWN menyertai Asia Pacific Invitational Dodgeball 2023 yang akan berlangsung pada 25 hingga 28 Mei 2023 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Ravens BWN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Mei. - Ravens BWN menyertai Asia Pacific Invitational Dodgeball 2023 yang akan berlangsung pada 25 hingga 28 Mei 2023 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Pada kejohanan ini nanti, Ravens BWN akan menyertai Kategori Lelaki dengan menurunkan dua pasukan iaitu

Raven Dasuke dan Raven One.

Ini merupakan kejohanan pertama di luar negara bagi Ravens BWN.

Bagi membuat persediaan menjelang kejohanan ini, Ravens BWN telah menjalankan latihan sejak November 2022 yang lalu.

Kejohanan berlangsung selama empat hari yang berlangsung di

Stadium Panasonic itu akan menyaksikan sebanyak 139 pasukan dari 16 buah negara yang melibatkan seramai lebih 1,000 pemain secara keseluruhan.

Raven Dasuke akan berada di Kumpulan C bersama enam pasukan yang lain iaitu Viking DC, Falcons, Ragnarok, Blitz Amateur, Reapers Male dan Baby Valkyries.

Sementara itu, Raven One akan bersaing dalam Kumpulan H bersama Blitz, Demons East, Mallies Blue, HaN dan Boba.



BAYAR DENDA KESALAHAN LALULINTAS DALAM TALIAN (ONLINE PAYMENT)

Sekarang, awda boleh membayar denda kesalahan lalulintas secara dalam talian 'Online Payment'

Powered by **BIBD NEXGEN**

8 KEMENTERIAN BERSAING DALAM KEJOHANAN BOLA JARING HPA KE-29



ANTARA aksi Kejoohan Bola Jaring sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-29 Tahun 2022.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam menganjurkan Kejoohan Bola Jaring sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-29 Tahun 2022 pada 19, 21, 26 dan 28 Mei 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah di sini.

Kejoohan tersebut disertai oleh lapan kementerian terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Kementerian Pembangunan, KKBS, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Dua kategori dipertandingkan dalam kejoohan tersebut iaitu Kategori Veteran dan Kategori

Terbuka.

Kategori Veteran disertai oleh empat pasukan iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan dan KHEU.

Manakala Kategori Terbuka pula disertai oleh lapan pasukan iaitu JPM, KHEDN, Kementerian Pendidikan, KSSUP, Kementerian Pembangunan, KKBS, Kementerian Kesihatan dan KHEU.

Pada kejoohan bagi Kategori Veteran yang berlangsung hari ini, pasukan Kementerian Pendidikan menewaskan KHEU dengan jaringan 19-5, manakala Kementerian Pembangunan menewaskan Kementerian Kesihatan dengan jaringan 10-6.

Dalam perlawanan di antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan pula, Kementerian Pendidikan terpaksa akur setelah tewas dengan jaringan 8-14.

Sementara itu, Kementerian Pembangunan menewaskan KHEU dengan jaringan 17-3, diikuti dengan perlawanan di antara KHEU dan Kementerian Kesihatan

Sukan SEA Ke-32 labuh tirai



KONTINJEN negara pada Upacara Penutupan Rasmi Temasya Sukan SEA Ke-32.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Ihsan Urus Setia
Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan SEA Ke-32,
Phnom Penh, Kemboja 2023, Tangkap Layar RTBGo

>> Muka 32

Kemboja yang buat pertama kalinya menjadi tuan rumah bagi temasya sukan yang terbesar di Asia Tenggara tersebut telah berjaya menganjurkan temasya Sukan SEA selama 13 hari.

Temasya sukan berkenaan telah mempertandingkan 36 jenis sukan yang mengandungi 579 acara dengan keramaian 10,890 penyertaan yang terdiri daripada atlet dan pegawai dari 11 negara.

Pada edisi kali ini, Viet Nam mengungguli di tempat teratas setelah berjaya memungut pingat dengan jumlah sebanyak 136 pingat emas, 105 pingat perak dan 118 pingat gangsa.

Manakala Thailand mendapat tempat kedua dengan pungenan sebanyak 108 pingat emas, 96 pingat perak dan 108 pingat gangsa. Indonesia berada di tempat ketiga dengan pungenan sebanyak 87 pingat emas, 80

pingat perak dan 109 pingat gangsa.

Kemboja pula berada di tempat keempat dengan pungenan sebanyak 81 pingat emas, 74 pingat perak dan 127 pingat gangsa mendahului Filipina, Singapura dan Malaysia.

Negara Brunei Darussalam pada kali ini berada di kedudukan ke-10 dengan pungenan 2 pingat emas, 1 pingat perak dan 6 pingat gangsa dan berjaya memperbaiki pungenan pingat yang diperoleh di edisi Sukan SEA 2021.

Kedua-dua pingat emas dan satu gangsa adalah sumbangan melalui acara sukan Wushu. Manakala sukan Pencak Silat, Karate dan Badminton telah masing-masing menyumbangkan kepada kutipan pingat perak dan gangsa.

Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi selaku Chef de Mission mengetuai kontinjen

Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada 100 atlet, iaitu 65 atlet dan 35 pegawai urus setia / jurulatih / perubatan.

Penyertaan 65 atlet tersebut adalah daripada 12 sukan iaitu Aquatics Swimming, Athletics, Badminton, Billiards & Snooker, E-Sports, Fencing, Karatedo, Obstacle Race, Pencak Silat, Petanque, Weightlifting dan Wushu.

Upacara penutupan rasmi Temasya Sukan SEA Ke-32 tersebut telah dimeriahkan dengan perbarisan lalu atlet dan pegawai sukan dari 11 buah negara-negara Asia Tenggara dan kumpulan sukarelawan serta persembahan muzikal 'See You Again' dan 'The Great Soul Kun Bokator' yang mempamerkan simbol seni mempertahankan diri masyarakat Kemboja.

Thailand akan menjadi negara tuan rumah Temasya Sukan SEA Ke-33 yang dijangka akan diadakan dari 9 hingga 20 Disember pada tahun 2025. Temasya sukan ini dijangka akan diadakan di tiga wilayah tempat negara tersebut iaitu Bangkok, Chonburi dan Songkhla.

yang berkesudahan dengan jaringan 6-15.

Pasukan Kementerian Pembangunan terus mengekalkan rekod tanpa kalah setelah menewaskan Kementerian

Pendidikan dengan jaringan 8-7.

Penyertaan kejoohan dibuka kepada semua pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan Negara

Brunei Darussalam.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan kejoohan tersebut bagi memberikan sokongan kepada pasukan yang bertanding.

Zahir rasa syukur wakili negara

Oleh : Hajah Siti Zuriahah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Khamis, 18 Mei. - Tiga pemain muda bola sepak tempatan akan bermain bersama Kelab Bola Sepak Singapura, Woodlands Warriors FC bagi bersaing dalam Kejoohan Garuda International Cup U17 di, Indonesia, Jakarta pada bulan Julai 2023 nanti.

Pemain-pemain berkenaan, Awang Mohd. Adrian Zikry bin Mohd. Nor Khairi, Awang Mohd. Adrian Zikry bin

Mohd. Nor Khairi dan Awang Safwan Zawawi bin Sazalee yang merupakan pemain di bawah kelab DPMM FC bawah 20 tahun (U20), berlepas ke Republik Singapura, petang tadi.

Mereka telah menandatangani kontrak selama tiga bulan bersama Woodlands Warriors FC Singapura

dan akan mulai menjalani latihan bermula 19

Mei 2023 ini.

Semasa ditemu bual di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebelum bertolak ke Republik Singapura, ketiga-tiga pemain menzahirkan rasa syukur mereka kerana berpeluang terpilih untuk mewakili Negara Brunei Darussalam bermain bersama pasukan luar negara.

Pasangan kembar, Awang Mohd. Adrian Zikry dan Awang Mohd. Adrian Zikry merupakan penuntut di Sekolah Menengah Katolik dalam Tahun 11, mengharapakan untuk membuat yang terbaik dan meraih

AWANG Mohd. Adrian Zikry bin Mohd. Nor Khairi, Awang Mohd. Adrian Zikry bin Mohd. Nor Khairi dan Awang Safwan Zawawi bin Sazalee semasa ditemu bual.

sebanyak-banyak pengalaman sebaik mungkin sepanjang tiga bulan bersama kelab Woodlands Warriors FC dan pada kejoohan berkenaan nanti.

"Harapan saya akan cuba membuat yang terbaik sepanjang bermain bersama pasukan Woodlands Warriors FC dan sekali gus menimba pengalaman baharu buat diri saya," jelas Awang Mohd. Adrian Zikry.

"Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua ibu bapa, jurulatih dan rakan-rakan lain yang sentiasa memberikan sokongan termasuk Coach Awang Mohd. Shahfie dari Woodlands Warriors FC, Singapura kerana telah memberi kepercayaan dan peluang untuk kami bermain bersama kelab mereka," tambah Awang Mohd. Adrian Zikry.

Perasaan gembira dan bangga turut diluahkan oleh Safwan

Zawawi, 16 tahun, yang merupakan penuntut dari Sekolah Sukan, kerana ini merupakan pengalaman baharu yang bakal diraih oleh beliau.

"Saya akan berusaha untuk meraih apa jua ilmu, latihan dan pengalaman yang diajar sepanjang bermain di luar negara nanti dan pada masa yang sama bagi perkembangan dan kemajuan diri saya dan untuk negara kelak," ujarnya yang sudah bermain di bawah kelab DPMM FC U20 sejak tahun 2019.

Dengan peluang yang diberikan kepada anak-anak muda tempatan ini setentunya mencerminkan bahawa para belia negara juga mampu dan mahir seperti beliau serantau dan antarabangsa dalam bidang kesukanan. Semoga segala kemahiran dan ilmu yang diperoleh akan dimanfaatkan untuk masa depan mereka kelak.





ePaper Pelita Brunei



SUKAN SEA KE-32 LABUH TIRAI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Honorary Life President SEA Games Federation (SEAGF) dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Penutupan Rasmi Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32, 2023 yang diadakan di Morodok Techo National Stadium, Phnom Penh (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan SEA Ke-32, Phnom Penh, Kemboja 2023, Tangkap Layar RTBG0

PHNOM PENH, KEMBOJA, Rabu, 17 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Honorary Life President SEA Games Federation (SEAGF) dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis

Penutupan Rasmi Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32, 2023 yang diadakan di Morodok Techo National Stadium, Phnom Penh, di sini.

Upacara Penutupan Rasmi Sukan SEA Ke-32, 2023 disempurnakan oleh Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen.

Atur cara turut diisi dengan

ucapan disampaikan Presiden National Committee (CNOOC), His Excellency Dr. Thong Khun selaku Pengerusi SEAGF dan Pengerusi Cambodia SEA Games Organising Committee (CAMSOC), Samdech Pichey Sena Tea Banh.

yang oleh

CAMBODIA 2023
32nd SEA GAMES

>> Muka 31

Kontinjen negara selamat kembali ke tanah air

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 18 Mei. - Seramai 18 ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Chef de Mission, Assistant Chef de Mission, pegawai urusan setia, pegawai perubatan, pengurus, jurulatih dan atlet sukan e-Sports selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam selepas menyertai Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32 di Phnom Penh, Kemboja pada 5 hingga 17 Mei 2023 yang lalu.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya memberikan ucapan tahniah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Ketika ditemui media, Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi juga selaku Chef de Mission menjelaskan bahawa pencapaian atlet pada Sukan SEA kali ini amat baik berbanding semasa Sukan SEA di Viet Nam dan akan dipertingkatkan lagi di masa hadapan.

Menurutnya lagi, kontinjen negara berjaya meraih dua pingat emas melalui sukan Wushu, satu pingat perak bagi sukan Pencak Silat dan enam pingat gangsa melalui sukan-sukan Karate, Pencak Silat, Wushu dan Badminton.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang selamat tiba ke tanah air selepas menyertai Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32, Phnom Penh, Kemboja.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dan Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly serta para pegawai Jabatan Belia dan Sukan, KKBS.

PEMANGKU

Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi selaku Chef de Mission semasa ditemu bual.



Tahukah Awda

BANGUNAN Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (CDC) yang mula dibina pada 7 Disember 2019 dan menelan belanja lebih BND1.2 juta telah siap dibina pada penghujung bulan tahun 2020. CDC dihasratkan untuk memberikan perkhidmatan yang komprehensif, bermula daripada pencegahan, pengesanan awal, intervensi awal dan perawatan holistik yang merangkumi semua aspek kehidupan kanak-kanak yang berkeperluan khas termasuk pendidikan dan juga kesejahteraan sosial.

SUMBER : Pelita Brunei Edisi Mac 2021.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BENTUK KELUARGA SAKINAH MELALUI AL-QURAN, SUNNAH RASULULLAH